



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI DALAM TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 318

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

Sebagaimana pada 1 Ogos 2017

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

Tarikh Perkenan Diraja	22 Mei 1985
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	30 Mei 1985
Teks sahah teks bahasa Inggeris	P.U. (B) 171 tahun 1985 dan P.U. (B) 561 tahun 1986
Kali terakhir dipinda oleh Akta A1518 yang mula berkuat kuasa pada	1 Januari 2017 di negeri Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Selangor dan Terengganu kecuali seksyen 29; 1 Januari 2017 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan kecuali seksyen 29

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 318

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Pemakaian
3. Permulaan kuat kuasa
4. Tafsiran
- 4A. Permulaan kuat kuasa Sistem Pengkomputeran Hakmilik Strata di mana-mana Pejabat Pendaftaran Tanah
- 4B. Permulaan kuat kuasa Sistem Pentadbiran Tanah Elektronik bagi Hakmilik Strata di mana-mana Pejabat Pendaftaran Tanah
- 4C. Permulaan kuat kuasa cukai bagi petak atau blok sementara, dsb.
5. Tafsiran Akta

BAHAGIAN II

PERMOHONAN UNTUK MEMECAH BAHAGI BANGUNAN ATAU TANAH

6. Bangunan atau tanah yang boleh dipecah bahagi kepada petak-petak
7. Pemilik asal boleh memohon bagi pecah bahagi bangunan atau tanah
8. Hal keadaan yang adalah wajib memohon bagi pecah bahagi bangunan atau tanah
- 8A. Permohonan bagi sijil cadangan pelan strata

Seksyen

9. Permohonan bagi pecah bahagi bangunan, dsb.
- 9A. Permohonan bagi pecah bahagi dalam hal pembangunan berperingkat-peringkat
- 9B. Permohonan bagi pecah bahagi dalam hal bangunan-bangunan kos rendah
10. Syarat-syarat bagi kelulusan
- 10A. (*Dipotong*)
- 10B. (*Dipotong*)
11. Penarikan balik permohonan
12. Kuasa Pengarah Tanah dan Galian berhubungan dengan permohonan
13. Tindakan oleh Pengarah Ukur selepas kelulusan pecah bahagian
14. Pengeluaran hakmilik strata kepada petak-petak berasingan
- 14A. (*Dipotong*)

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN HAKMILIK STRATA

15. Penyediaan dan penyenggaraan daftar strata
16. Dokumen hakmilik strata
17. Kesan pembukaan buku daftar strata
- 17A. Harta bersama terhad dan perbadanan pengurusan subsidiari adalah dibenarkan
- 17B. Pemunyaan harta bersama dan penjagaan dokumen hakmilik keluaran
18. Unit syer petak
19. Unit syer sementara bagi blok sementara
- 19A. (*Dipotong*)

BAHAGIAN IV

BLOK SEMENTARA: PENGELUARAN HAKMILIK STRATA

20. Hal keadaan yang menjadikan wajib bagi pemilik hakmilik strata sementara memohon untuk hakmilik strata
- 20A. Permohonan bagi sijil cadangan pelan strata
- 20B. Permohonan bagi pecah bahagi bangunan, dsb.

Seksyen

21. Kuasa Pengarah Tanah dan Galian berhubungan dengan permohonan
22. Tindakan oleh Pengarah Ukur selepas kelulusan
- 22A. (*Dipotong*)
- 22B. (*Dipotong*)
23. Pengubahsuaian daftar strata, pengeluaran dokumen hakmilik keluaran yang baru dan pembatalan dokumen hakmilik sementara

BAHAGIAN IVA

KUTIPAN CUKAI

- 23A. Tafsiran
- 23B. Cukai hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri
- 23C. Penentuan dan pengiraan cukai
- 23D. Di mana cukai boleh dibayar
- 23E. Notis tuntutan
- 23F. Hak pemegang gadaian, pemegang pajakan dsb., untuk membayar jumlah wang yang dituntut
- 23G. Kesan pembayaran jumlah wang yang dituntut
- 23H. Pelucuthakan kerana tidak membayar jumlah wang yang dituntut
- 23I. Kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk menyemak cukai secara berkala
- 23J. Kesan penamatan pecah bahagian

BAHAGIAN IVB

PELUCUTHAKAN DAN PELETAKHAKAN

- 23K. Tafsiran
- 23L. Perkembalian kepada Pihak Berkuasa Negeri dan peletakhakan mula berkuat kuasa apabila pemberitahuan disiarkan dalam *Warta*
- 23M. Kesan Pelucuthakan
- 23N. Petak atau blok sementara tidak boleh dipindah milik semasa tempoh rayuan terhadap pelucuthakan
- 23O. Kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk membatalkan pelucuthakan, dsb.

Seksyen

- 23P. Rayuan terhadap pelucuthakan

BAHAGIAN V

BANGUNAN ATAU TANAH YANG DIPECAH BAHAGI:
PECAHAN DAN PENYATUAN PETAK-PETAK

24. Tafsiran
25. Kuasa untuk memecah dan menyatukan petak-petak
26. Kesan pecahan atau penyatuan
27. Syarat-syarat kelulusan pecahan atau penyatuan
28. Permohonan mendapatkan kelulusan
29. Tindakan oleh Pengarah Ukur
30. Pentadbir Tanah hendaklah menghantar permohonan kepada Pengarah Tanah dan Galian
31. Kuasa Pengarah Tanah dan Galian berhubungan dengan permohonan bagi pecahan atau penyatuan
32. Penyediaan pelan strata baru yang diperakui oleh Pengarah Ukur
33. Pengubahsuaian daftar strata dan pengeluaran dokumen hakmilik baru
- 33A. Kesan pendaftaran berkaitan dengan harta bersama yang wujud kerana pecahan atau penyatuan

BAHAGIAN VI

HAK DAN OBLIGASI YANG TERIKAT PADA PETAK
INDIVIDU DAN BLOK SEMENTARA

34. Hak pemilik dalam petaknya dan harta bersama
35. Hak mendapat sokongan, perkhidmatan dan perlindungan
36. Hak unit syer
37. Sekatan ke atas hak mengundi
38. Kuasa mahkamah kiranya tidak ada orang yang boleh mengundi berkenaan dengan sesuatu petak

BAHAGIAN VII

PENGURUSAN BANGUNAN ATAU TANAH YANG DIPECAH BAHAGI

Seksyen

39—55A. (*Dipotong*)

BAHAGIAN VIII

PENAMATAN PECAH BAHAGIAN BAGI BANGUNAN
YANG DIPECAH BAHAGI

- 56. Kuasa mahkamah apabila bangunan atau tanah yang dipecah bahagi rosak
- 57. Penamatan pecah bahagian

BAHAGIAN VIIIA

KESAN PENGAMBILAN BANGUNAN ATAU TANAH
YANG DIPECAH BAHAGI

- 57A. Tatacara mengambil milik formal mana-mana bangunan atau tanah yang dipecah bahagi

BAHAGIAN IX

PERUNTUKAN BAGI BANGUNAN KOS RENDAH

58—67. (*Dipotong*)

BAHAGIAN IXA

LEMBAGA HAKMILIK STRATA

67A—67X. (*Dipotong*)

BAHAGIAN X

PELBAGAI

68. (*Dipotong*)

Seksyen

69. Petak aksesori tidak boleh diurus niaga bebas dari suatu petak
70. Blok sementara tidak boleh diurusniagakan
71. (*Dipotong*)
72. (*Dipotong*)
73. Hak dan remedi lain tidak dijejaskan oleh Akta ini
74. Bidang kuasa Mahkamah Majistret
75. Prosiding undang-undang
76. (*Dipotong*)
77. (*Dipotong*)
78. (*Dipotong*)
79. Akta Had Masa 1953 tidak meliputi harta bersama
80. Kuasa kemasukan oleh pihak berkuasa awam atau tempatan
- 80A. Pendakwaan
81. Kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk membuat kaedah-kaedah
82. Peruntukan peralihan
83. Pemansuhan dan pemindahan peruntukan Kanun Tanah Negara
84. Pindaan Borang
85. Peruntukan peralihan berkenaan dengan kaedah-kaedah, perintah-perintah, dsb.

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA (*Dipotong*)

JADUAL KETIGA (*Dipotong*)

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

JADUAL KEENAM

JADUAL KETUJUH

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 318

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

Suatu Akta untuk memudahkan pecah bahagian bangunan atau tanah kepada petak-petak, pelupusan hakmilik-hakmilik dan kutipan cukai dan bagi maksud yang berkaitan dengannya.

*[Semenanjung Malaysia,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan
Wilayah Persekutuan Putrajaya—1 Jun 1985,
P.U. (B) 276/1985]*

BAHAWASANYA adalah berhasrat untuk memperkenalkan dalam bentuk Akta Hakmilik Strata suatu perundangan yang seragam dalam Negeri-Negeri Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Selangor, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan;

DAN BAHAWASANYA sekarang adalah bermanfaat bagi maksud hanya memastikan persamaan undang-undang dasar membuat suatu undang-undang berkenaan dengan pemegangan petak dalam bangunan atau tanah, pendaftaran hakmilik berhubungan dengan petak dalam bangunan atau tanah, pemindahan hakmilik petak-petak dalam bangunan atau tanah, kutipan cukai, pajakan dan gadaian berkenaan dengan petak dalam bangunan atau tanah, dan isemen serta lain-lain hak dan kepentingan mengenai petak dalam bangunan atau tanah;

OLEH YANG DEMIKIAN menurut peruntukan Fasal (4) Perkara 76 Perlembagaan, MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Hakmilik Strata 1985.

Pemakaian

2. Akta ini hendaklah terpakai hanya bagi Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Permulaan kuat kuasa

3. (1) Akta in hendaklah mula berkuat kuasa dalam setiap Negeri pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri, dengan kelulusan Majlis Tanah Negara, melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa di Wilayah Persekutuan pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

4. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bangunan”, berhubung dengan lot yang hendak dimajukan berperingkat, termasuklah mana-mana bangunan yang separuh siap atau yang hendak didirikan dalam lot itu sebagaimana yang ditunjukkan atau dinyatakan dalam mana-mana pelan strata yang dicadangkan yang dikemukakan untuk kelulusan;

“bangunan khas” ertinya mana-mana bangunan yang diduduki sebelum Jun 1996 atau mana-mana bangunan yang diduduki dari Jun

1996 sehingga 11 April 2007, yang diklasifikasikan sedemikian oleh Pihak Berkuasa Negeri;

“bangunan kos rendah” ertinya mana-mana bangunan yang diperakui oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah seksyen 9B;

“bangunan atau tanah yang dipecah bahagi” ertinya suatu bangunan atau tanah sebagaimana yang dipecahbahagikan di bawah Bahagian II atau Bahagian IV, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“blok sementara” ertinya—

- (a) berhubungan dengan sesuatu pelan strata yang dipecah bahagi, suatu blok berkenaan dengan sesuatu bangunan yang dicadang untuk, atau sedang, didirikan atas bangunan atau tanah, yang baginya suatu hakmilik strata sementara yang berasingan telah dipohon;
- (aa) berhubung dengan tanah yang dipecah bahagi, suatu blok yang berkenaan dengan petak tanah yang dicadangkan, yang baginya suatu hakmilik strata sementara yang berasingan telah dipohon;
- (b) berhubungan dengan sesuatu pelan strata yang diperakui, suatu blok yang ditunjukkan di dalamnya, yang baginya suatu hakmilik strata sementara hendak didaftarkan; dan
- (c) berhubungan dengan sesuatu buku daftar strata, suatu blok yang ditunjukkan di dalamnya, yang baginya suatu hakmilik strata sementara telah didaftarkan;

“borang” diikuti dengan nombor, ertinya borang dalam Jadual Pertama yang dikenali dengan nombor tersebut;

“cukai” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 5 Kanun Tanah Negara dan termasuklah apa-apa jumlah wang tahunan yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri berkaitan mana-mana petak atau blok sementara menurut seksyen 4c melalui cukai dan apa-apa fi terhutang kepada Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan tunggakan cukai melalui kaedah-kaedah di bawah seksyen 81;

“daftar strata” ertinya daftar hakmilik strata yang disenggarakan di bawah peruntukan seksyen 15;

“daftarai strata”, berhubungan dengan bangunan atau tanah yang dipecah bahagi, ertinya daftarai yang disenggarakan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 [*Akta 757*];

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh kaedah-kaedah yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah seksyen 81;

“hakmilik strata” ertinya hakmilik yang dikeluarkan di bawah seksyen 16;

“hakmilik strata sementara” ertinya hakmilik yang didaftarkan dan dikeluarkan di bawah seksyen 16 berkenaan dengan suatu blok sementara;

“harta bersama” ertinya sekian banyak daripada lot yang tidak terkandung dalam mana-mana petak (termasuk mana-mana petak aksesori) atau mana-mana blok sementara sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan strata yang diperakukan;

“jadual petak” ertinya jadual petak atau jadual petak berpinda yang disediakan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013;

“juruukur tanah” ertinya Pengarah Ukur yang dilantik di bawah Kanun Tanah Negara atau juruukur tanah yang diberi lesen untuk menjalankan amalan sebagai sedemikian di bawah mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa berhubungan dengan kerja ukur-mengukur;

“keluasan lantai”, berhubungan dengan sesuatu petak, ertinya kawasan yang diduduki oleh petak itu;

“ketetapan sebulat suara” ertinya suatu ketetapan yang diluluskan dalam mesyuarat agung perbadanan pengurusan yang diadakan dengan sempurnanya yang mengenainya notis sekurang-kurangnya dua puluh satu hari yang menyatakan ketetapan yang dicadangkan itu telah diberikan dan terhadapnya tiada undi yang menentang dibuat.

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi perkara tanah;

“pelan lokasi” ertinya pelan lokasi di bawah subseksyen 8A(3) atau 20A(3), mengikut mana-mana yang berkenaan;

“pelan strata”—

- (a) berhubung dengan bangunan yang dipecah bahagi, ertinya pelan lokasi dan pelan tingkat, dan termasuklah pelan pecahan atau penyatuan petak yang ditunjukkan di dalam pelan strata yang diperakui; dan
- (b) berhubung dengan tanah yang dipecah bahagi, ertinya pelan lokasi dan pelan tandaan, dan termasuklah pelan pecahan atau penyatuan petak yang ditunjukkan dalam pelan strata yang diperakui, dan dalam hal petak tanah dengan tingkat bawah tanah yang dikongsi, termasuk pelan tingkat;

“pelan strata yang diperakui” ertinya pelan yang disediakan di bawah seksyen 13 atau 22, mengikut mana-mana yang berkenaan dan yang diperakui oleh Pengarah Ukur;

“pelan tandaan” ertinya pelan yang menunjukkan tandaan petak tanah;

“pelan tingkat” ertinya suatu pelan tingkat di bawah subseksyen 8A(4) atau 20A(4), mengikut mana-mana yang berkenaan;

“pembeli” ertinya mana-mana orang atau badan yang membeli suatu petak atau yang mempunyai apa-apa urusan niaga dengan suatu pemaju berkenaan dengan pengambilan petak itu;

“pemilik” merujuk kepada pemilik petak, iaitu orang atau badan yang pada masa itu didaftarkan sebagai pemilik sesuatu petak, dan juga kepada pemilik sesuatu blok sementara, iaitu orang atau badan yang pada masa itu didaftarkan sebagai pemilik sesuatu blok sementara melainkan jika diperuntukkan dengan nyata selainnya;

“pemilik asal” ertinya pemilik lot sebelum sahaja pecah bahagian sesuatu bangunan atau tanah;

“Pendaftar” ertinya—

- (a) berhubungan dengan hakmilik strata yang bergantung pada hakmilik Pejabat Pendaftaran, Pendaftar Hakmilik atau Timbalan Pendaftar Hakmilik bagi Negeri; dan
- (b) berhubungan dengan hakmilik strata yang bergantung pada hakmilik Pejabat Tanah, Pentadbir Tanah bagi Daerah;

“Pengaroh” ertinya Pengarah Tanah dan Galian bagi Negeri atau Wilayah Persekutuan dan termasuklah Timbalan Pengarah Tanah dan Galian;

“Pengaroh Ukur” ertinya Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri atau Wilayah Persekutuan dan termasuk Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan;

“Pentadbir Tanah” ertinya Pentadbir Tanah bagi sesuatu Daerah yang dilantik di bawah Kanun Tanah Negara dan termasuklah Penolong Pentadbir Tanah yang dilantik di bawah Kanun tersebut;

“perakuan siap dan pematuhan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 3 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*]

“perbadanan pengurusan” berhubungan dengan mana-mana bangunan atau tanah yang dipecah bahagi yang ditunjukkan dalam pelan strata yang diperakui, ertinya perbadanan pengurusan yang ditubuhkan di bawah seksyen 17;

“perbadanan pengurusan subsidiari”, berhubung dengan harta bersama terhad, ertinya perbadanan pengurusan subsidiari yang ditubuhkan di bawah seksyen 17A;

“peringkat struktur utama” ertinya peringkat di mana penyiapan kerja-kerja bangunan sebagaimana yang diperakui mengikut undang-

undang kecil yang berkaitan yang dibuat di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974;

“Pesuruhjaya” ertinya Pesuruhjaya Bangunan yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta Pengurusan Strata 2013;

“petak”, berhubungan dengan sesuatu bangunan yang (kecuali dalam hal suatu petak aksesori) dipecah bahagi, ertinya salah satu daripada unit individu yang terkandung dalamnya yang dipegang mengikut hakmilik strata yang berasingan, dan berhubung dengan suatu tanah yang dipecah bahagi, ertinya satu daripada unit-unit individu petak tanah;

“petak aksesori” ertinya mana-mana petak yang ditunjukkan dalam suatu pelan strata sebagai petak aksesori yang digunakan atau dicadangkan hendak digunakan bersama-sama dengan suatu petak;

“petak tanah” ertinya satu unit yang ditandakan dalam sesuatu lot yang terkandung dalamnya bangunan yang tidak lebih dari empat tingkat (tidak termasuk tingkat bawah yang dikongsi) yang dipegang di bawah suatu hakmilik strata; yang mungkin mempunyai tingkat bawah tanah yang dikongsi, yang terkandung dalamnya petak-petak aksesori dan harta bersama;

“sijil cadangan pelan strata” ertinya sijil yang mengesahkan pelan strata yang dicadangkan yang disediakan di bawah seksyen 8A atau 20A, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“tingkat” ertinya apa-apa pecah bahagian sesuatu bangunan secara mendatar sama ada atau tidak atas paras yang sama seluruhnya dan sama ada di atas atau di bawah permukaan bumi;

“unit syer”, berkenaan dengan sesuatu petak, ertinya unit syer yang ditetapkan bagi petak itu sebagaimana yang ditunjukkan dalam daftar strata;

“unit syer sementara” ertinya nilai syer yang diuntukkan kepada blok sementara yang ditunjukkan dalam daftar strata;

“Wilayah Persekutuan” ertinya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Permulaan kuat kuasa Sistem Pengkomputeran Hakmilik Strata di mana-mana Pejabat Pendaftaran Tanah

4A. (1) Menteri boleh dengan kelulusan Majlis Tanah Negara, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menetapkan suatu tarikh bagi permulaan kuat kuasa Sistem Pengkomputeran Hakmilik Strata di mana-mana Pejabat Pendaftaran Tanah.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), istilah “Pejabat Pendaftaran Tanah” ertinya—

(a) dalam hal hakmilik strata yang bergantung kepada hakmilik Pejabat Pendaftaran, pejabat Pendaftar Hakmilik bagi Negeri itu; dan

(b) dalam hal hakmilik strata yang bergantung kepada hakmilik Pejabat Tanah, pejabat Pentadbir Tanah bagi Daerah itu.

(3) Apabila Sistem Pengkomputeran Hakmilik Strata mula berkuat kuasa di mana-mana Pejabat Pendaftaran Tanah—

(a) peruntukan Jadual Kelima hendaklah terpakai; dan

(b) peruntukan Akta ini setakat yang ia berhubung dengan borang dokumen hakmilik, tatacara bagi penyediaan dan pendaftaran apa-apa dokumen hakmilik, apa-apa urusan niaga mengenai petak dan apa-apa catatan atau pengendorsan apa-apa nota, memorial, atau apa-apa pembetulan atau pembatalannya pada apa-apa dokumen hakmilik hendaklah dibaca dengan ubah suai, pindaan, penambahan, pemotongan, penggantian atau penyesuaian sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual Kelima.

(4) Menteri boleh, dengan kelulusan Majlis Tanah Negara, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Kelima.

(5) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan (3)(b), semua peruntukan lain Akta ini hendaklah tetap berkuat kuasa dan terus terpakai bagi tiap-tiap dokumen hakmilik, surat cara atau dokumen lain yang disediakan di bawah Sistem Pengkomputeran Hakmilik Strata.

Permulaan kuat kuasa Sistem Pentadbiran Tanah Elektronik bagi Hakmilik Strata di mana-mana Pejabat Pendaftaran Tanah

4B. (1) Sistem Pentadbiran Tanah Elektronik bagi Hakmilik Strata hendaklah mula berkuat kuasa di mana-mana Pejabat Pendaftaran Tanah melalui pemberitahuan dalam Warta menurut subseksyen 5D(1) Kanun Tanah Negara.

(2) Bagi maksud subseksyen (1)—

(a) “Pusat Pemulihan Bencana” ertinya suatu pusat system sokongan dan pemulihan yang ditubuhkan oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk penyambungan urusan operasi Sistem Pentadbiran Tanah Elektronik;

(b) “Pejabat Pendaftaran Tanah” termasuk—

(i) dalam hal hakmilik strata yang dipegang atau yang akan dipegang bergantung kepada hakmilik Pejabat Pendaftaran, pejabat Pendaftar Hakmilik bagi Negeri itu;

(ii) dalam hal hakmilik strata yang dipegang atau yang akan dipegang bergantung kepada hakmilik Pejabat Tanah, pejabat Pentadbir Tanah bagi Daerah itu; dan

(iii) pada ketika bencana seperti yang dinyatakan oleh Pihak Berkuasa Negeri, Pusat Pemulihan Bencana.

(3) Apabila Sistem Pentadbiran Tanah Elektronik bagi Hakmilik Strata mula berkuat kuasa di mana-mana Pejabat Pendaftaran Tanah—

- (a) peruntukan Jadual Keenam hendaklah terpakai setakat mana ia berkait dengan bentuk dokumen hakmilik strata, prosedur untuk penyediaan dan pendaftaran mana-mana dokumen hakmilik strata, mana-mana urusniaga dan mana-mana pemasukan atau pengendorsan apa-apa nota, memorial atau memorandum atau mana-mana pembedahan atau pembatalan mengenainya atas mana-mana dokumen hakmilik strata;
 - (b) peruntukan-peruntukan lain bagi Akta ini yang berkait dengan Sistem Pentadbiran Tanah Elektronik hendaklah dibaca dengan ubah suaian, pindaan, penambahan, pemotongan, penggantian atau penyesuaian sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual Keenam; dan
 - (c) peruntukan Jadual Kelima hendaklah tidak lagi beroperasi.
- (4) Menteri boleh, dengan kelulusan Majlis Tanah Negara, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Keenam.

Permulaan kuat kuasa cukai bagi petak atau blok sementara, dsb.

4c. (1) Menteri boleh, dengan kelulusan Majlis Tanah Negara, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menetapkan suatu tarikh bagi permulaan kuat kuasa cukai bagi petak atau blok sementara di mana-mana Negeri.

(2) Apabila mula berkuat kuasa pelaksanaan cukai bagi petak atau blok sementara di mana-mana Negeri—

(a) peruntukan Bahagian IV^A hendaklah terpakai;

(b) peruntukan bagi Akta ini hendaklah—

(i) setakat mana peruntukan itu berkait dengan tatacara bagi pelaksanaan cukai bagi petak atau blok sementara dan untuk maksud yang berkaitan dengannya; dan

- (ii) setakat mana peruntukan itu berkait dengan endorsan yang perlu dibuat atau perkara lain bersampingan dengannya untuk menguatkuasakan cukai bagi petak atau blok sementara, kepada dokumen hakmilik strata atau daftar strata,

dibaca dengan ubah suaian, pindaan, penambahan, pemotongan, penggantian atau penyesuaian sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bahagian IV_A.

Tafsiran Akta

5. (1) Akta ini hendaklah dibaca dan ditafsirkan dengan Kanun Tanah Negara seolah-olah ianya merupakan sebahagian daripada Kanun itu.

(2) Kanun Tanah Negara dan kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, setakat mana ia tidak berlawanan dengan peruntukan Akta ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, atau berkebolehan dipakai bagi petak, hendaklah dalam segala hal dipakai bagi petak yang dipegang di bawah hakmilik strata.

(3) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), Yang di-Pertuan Agong boleh dari semasa ke semasa melalui perintah membuat peruntukan mengenai—

(a) tidak terpakainya mana-mana peruntukan Kanun Tanah Negara kepada Akta ini; atau

(b) pemakaian mana-mana peruntukan Kanun Tanah Negara kepada Akta ini dengan tertakluk kepada apa-apa perubahan, ubahsuaian, penyesuaian, tambahan atau potongan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

(4) Dalam pemakaian subseksyen (1) kepada Wilayah Persekutuan, Kanun Tanah Negara hendaklah dibaca sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah subseksyen 5(3) Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973.

(5) Apa-apa sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri dalam Akta ini dalam pemakaiannya kepada Wilayah Persekutuan dan dalam penjalanan kuat kuasa Kanun Tanah Negara sebagaimana diubahsuaikan di bawah subseksyen (4), hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri yang bertanggungjawab bagi tanah dalam Wilayah Persekutuan.

BAHAGIAN II

PERMOHONAN UNTUK MEMECAH BAHAGI BANGUNAN ATAU TANAH

Bangunan atau tanah yang boleh dipecah bahagi kepada petak-petak

6. (1) Mana-mana bangunan yang mempunyai dua tingkat atau lebih di atas tanah beri hakmilik yang dipegang sebagai satu lot di bawah hakmilik tetap (sama ada hakmilik Pejabat Pendaftaran atau Pejabat Tanah) bolehlah dipecahbahagikan kepada petak-petak; dan mana-mana tanah atas lot yang sama bolehlah juga dipecahbahagikan kepada petak-petak yang setiap satunya dipegang di bawah suatu hakmilik strata atau suatu petak aksesori.

(1A) Mana-mana tanah beri hakmilik yang mempunyai dua bangunan atau lebih yang dipegang sebagai satu lot di bawah hakmilik tetap (sama ada hakmilik Pejabat Pendaftaran atau Pejabat Tanah) bolehlah dipecahbahagikan kepada petak-petak tanah yang setiap satu dipegang di bawah suatu hakmilik strata atau sebagai suatu petak aksesori.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui kaedah-kaedah yang disiarkan dalam *Warta*, melarang pecah bahagian bangunan-bangunan atau tanah dari mana-mana kelas atau perihal sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah tersebut.

Pemilik asal boleh memohon bagi pecah bahagi bangunan atau tanah

7. Pemilik asal mana-mana tanah beri hakmilik yang di atasnya terdapat apa-apa bangunan atau tanah yang boleh dipecah bahagi di bawah seksyen 6 boleh, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, memohon kepada Pengarah untuk pecah bahagi mana-mana bangunan atau tanah itu.

Hal keadaan yang adalah wajib memohon bagi pecah bahagi bangunan atau tanah

8. (1) Pemilik asal mana-mana tanah beri hakmilik yang di atasnya terdapat bangunan yang boleh dikeluarkan hakmilik strata hendaklah, dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (2) dan (3), memohon mengikut subseksyen 8A(1) dan 9(1) untuk pecah bahagi bangunan atau tanah itu jika pada bila-bila masa dia telah menjual atau bersetuju untuk menjual mana-mana petak dalam bangunan atau tanah itu kepada mana-mana orang.

(2) Tempoh yang dalamnya kehendak subseksyen 8A(1) hendaklah dipatuhi adalah seperti berikut:

- (a) dalam hal jika penjualan, atau perjanjian untuk menjual, mana-mana petak dalam bangunan itu atau penjualan atau perjanjian kali pertama itu berlaku dan dokumen perakuan peringkat struktur utama dikeluarkan selepas permulaan kuat kuasa Akta ini, tempohnya ialah tiga bulan dari tarikh pengeluaran dokumen yang memperakui peringkat struktur utama;
- (b) dalam hal jika bangunan siap selepas permulaan kuat kuasa Akta ini dan penjualan, atau perjanjian untuk menjual, mana-mana petak dalam bangunan itu atau penjualan atau perjanjian kali pertama itu, berlaku sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini, tempohnya ialah tiga bulan dari tarikh bangunan siap;

- (c) dalam hal jika bangunan siap dan penjualan, atau perjanjian untuk menjual mana-mana petak dalam bangunan itu atau penjualan atau perjanjian kali pertama itu dibuat selepas permulaan kuat kuasa Akta ini, tempohnya ialah tiga bulan dari tarikh bangunan siap atau penjualan, atau perjanjian untuk menjual mana-mana petak dalam bangunan itu, atau penjualan atau perjanjian kali pertama itu dibuat, mengikut mana-mana yang terkemudian;
 - (d) dalam hal jika bangunan telah siap dan penjualan, atau perjanjian untuk menjual mana-mana petak dalam bangunan itu, atau penjualan atau perjanjian kali pertama itu, dibuat sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini, tempohnya ialah tiga bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini;
 - (e) dalam hal jika bangunan telah siap sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini dan penjualan, atau perjanjian untuk menjual mana-mana petak dalam bangunan itu, atau penjualan atau perjanjian kali pertama itu, dibuat selepas permulaan kuat kuasa Akta ini, tempohnya ialah tiga bulan dari tarikh penjualan, atau perjanjian untuk menjual mana-mana petak dalam bangunan itu atau penjualan atau perjanjian kali pertama itu dibuat.
- (3) Pemilik asal tanah beri hakmilik yang di atasnya bangunan atau tanah telah dikeluarkan sijil cadangan pelan strata di bawah subseksyen 8A(8), hendaklah memohon untuk pecah bahagi mengikut subseksyen 9(1) dalam tempoh satu bulan dari tarikh pengeluaran sijil cadangan pelan strata.
- (4) Tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (2) boleh, atas permohonan yang dibuat sebelum tamatnya tempoh itu, dilanjutkan sekali oleh Pengarah Ukur selama apa-apa tempoh lanjut yang tidak melebihi satu bulan.
- (5) Tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (3) boleh, atas permohonan yang dibuat sebelum habis tempoh itu, dilanjutkan sekali oleh Pengarah selama apa-apa tempoh lanjut yang tidak melebihi satu bulan.

(6) Permohonan untuk kelulusan Pengarah hendaklah dianggap sebagai tidak menurut subseksyen 8A(1) jika permohonan itu adalah cacat atas alasan ketidakpatuhan yang material dengan mana-mana kehendak subseksyen 9(1) berhubung dengan permohonan itu.

(7) Jika permohonan tidak dibuat dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (2) dan (3), dan, dalam tempoh pelanjutan yang diberikan di bawah subseksyen (4) atau (5) berkenaan dengan sesuatu bangunan atau tanah, pemilik asal adalah melakukan suatu kesalahan.

(8) Pemilik asal yang melakukan kesalahan di bawah subseksyen (7) hendaklah, apabila disabitkan—

(a) didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak kurang daripada satu ratus ringgit tetapi tidak lebih daripada satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan; dan

(b) mahkamah boleh memerintahkan pemilik asal untuk memohon pecah bahagi bangunan atau tanah dalam tempoh yang dinyatakan dalam perintah itu.

(9) Bagi maksud perenggan (2)(b), (c), (d) dan (e), tarikh yang sesuatu bangunan itu siap atau telah siap hendaklah pada tarikh perakuan siap dan pematuhan dikeluarkan, diperakui oleh mana-mana pihak berkuasa tempatan sebagai layak diduduki atau digunakan, atau diperakui mengikut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa.

Permohonan bagi sijil cadangan pelan strata

8A. (1) Bagi maksud subseksyen 9(1), pemilik asal mana-mana tanah beri hakmilik yang di atasnya terdapat bangunan atau tanah yang boleh dikeluarkan hakmilik strata hendaklah, memohon kepada Pengarah Ukur bagi sijil cadangan pelan strata dengan menyerahkan Borang 10 berserta dengan yang berikut:

- (a) fi bagi pengukuran yang dijalankan atau menyebabkan untuk dijalankan di bawah subseksyen 8A(8);
- (b) kecuali dalam hal di bawah perenggan (c), salinan asal pelan bangunan yang diluluskan oleh pihak berkuasa perancangan tempatan;
- (c) jika salinan asal pelan bangunan yang diluluskan oleh pihak berkuasa perancangan tempatan itu tidak boleh didapati, permohonan di bawah subseksyen ini hendaklah disertai dengan—
 - (i) pelan bangunan, yang diperakui oleh seorang Arkitek Profesional atau oleh seorang juruukur tanah sebagai telah dilukis mengikut ciri-ciri sebenar bangunan itu dan sebagai menggambarkan dengan sebenar-benarnya ciri-ciri itu; dan
 - (ii) perakuan daripada seorang pegawai pihak berkuasa perancangan tempatan yang berkenaan yang diberi kuasa sewajarnya bahawa bangunan sebagaimana yang digambarkan melalui pelan yang disebut dalam subperenggan (i), telah didirikan dengan kebenaran perancangan tetapi pelan dan spesifikasi yang dengan merujuk kepadanya kebenaran itu telah diberi tidak lagi boleh didapati, dan bahawa pihak berkuasa perancangan tempatan itu walau bagaimanapun berpuas hati yang bangunan sebagaimana yang digambarkan itu memenuhi kehendak perancangan;
- (d) pelan strata yang dicadangkan yang mengandungi suatu pelan lokasi, pelan tingkat dan pelan tandaan, yang mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang dinyatakan masing-masingnya dalam subseksyen (2), (3), (4), (5), (6) dan (7) dan diperakui oleh juruukur tanah seperti yang berikut:
 - (i) bahawa dia telah membuat perbandingan antara pelan-pelan itu dengan pelan bangunan yang

diluluskan yang disediakan oleh Arkitek Profesional yang didaftarkan di bawah Akta Arkitek 1967 [*Akta 117*] atau Jurutera Profesional yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [*Akta 138*] yang bertanggungjawab bagi pembinaannya, atau, dalam hal yang termasuk di bawah perenggan (c), dengan pelan-pelan bangunan yang telah dilukis dan diperakui oleh seorang Arkitek Profesional atau oleh seorang juruukur tanah;

- (ii) dalam hal pelan tingkat, bahawa sempadan petak-petak yang ditunjukkan di atasnya mengikuti ciri-ciri pembinaan tetap yang terdapat dalam bangunan itu;
- (iii) bangunan atau bangunan-bangunan itu terletak keseluruhannya dalam sempadan lot yang berkenaan, tetapi tidak mengira apa-apa cucur atap, kajang, dan apa-apa langkan yang tidak merupakan sebahagian daripada sesuatu petak yang dicadangkan, yang mengunjur ke suatu rizab jalan yang padanya ada permit atau permit-permit yang dikeluarkan di bawah seksyen 75A Kanun Tanah Negara berkenaan dengan tiap-tiap cucur atap, kajang dan langkan itu;
- (iv) bahawa setiap petak yang dicadangkan itu mempunyai—
 - (A) jalan masuk yang memadai yang tidak melintasi suatu petak yang lain; dan
 - (B) jalan perhubungan dalaman yang memadai yang tidak melintasi harta bersama;
- (v) bahawa telah diperakui oleh seorang juruukur tanah bahawa kedudukan setiap blok sementara sebagaimana yang ditandakan di atas pelan lokasi

adalah keseluruhannya dalam sempadan lot yang berkenaan;

- (e) dalam hal mana-mana bangunan atau petak tanah yang kebenaran perancangan diperlukan untuk mendirikan, perakuan oleh Arkitek Profesional atau Jurutera Profesional yang disebut di bawah subperenggan (1)(d)(i) bahawa bangunan itu telah dibina mengikut pelan dan spesifikasi yang dengan merujuk kepadanya kebenaran itu telah diberi, dan pelan serta spesifikasi bangunan itu menyatakan tarikh kebenaran itu diberi dan nombor rujukannya, jika ada;
- (f) salinan diperakui sah hakmilik tetap bagi lot tersebut;
- (g) salinan yang diperakui sah dokumen yang memperakukan peringkat struktur utama bagi keadaan di bawah perenggan 8(2)(a);
- (h) salinan yang diperakui sah perakuan siap dan pematuhan atau sijil layak menduduki, mengikut mana-mana yang berkenaan, kecuali dalam hal di bawah perenggan 8(2)(a); dan
- (i) salinan yang diperakui sah jadual petak atau jadual petak berpinda, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang difailkan dengan Pesuruhjaya di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 kecuali dalam hal di bawah perenggan 8(2)(b) dan (d).

(1A) Walau apa pun subseksyen (1), Pengarah Ukur, dalam meluluskan permohonan bagi sijil cadangan pelan strata—

- (a) suatu bangunan khas; atau
- (b) dalam mana-mana hal keadaan lain yang difikirkannya patut,

boleh memberikan pengecualian bagi dokumen dalam perenggan (1)(e) dan (h) atau menghendaki mana-mana dokumen lain bersama dengan permohonan itu.

(2) Bagi maksud pecah bahagi di bawah subseksyen 6(1A), pelan strata yang dicadangkan hendaklah mengandungi pelan lokasi dan pelan tandaan, dan dalam keadaan pecah bahagi tanah yang mempunyai tingkat bawah tanah yang dikongsi, termasuk pelan tingkat yang menunjukkan petak aksesori yang dicadangkan dan harta bersama.

(3) Tiap-tiap pelan lokasi hendaklah—

- (a) menyatakan nombor lot, nombor hakmilik tanah yang terkandung dalamnya dan keluasannya;
- (b) menandakan sempadan-sempadan dan tanda-tanda sempadan bagi lot itu dan kedudukan kesemua bangunan di atasnya, dengan menunjukkan bangunan mana yang hendak dipecahbahagikan dan dalam hal permohonan bagi pecah bahagi tanah kepada petak-petak tanah, menandakan sempadan-sempadan dan tanda-tanda sempadan bagi lot itu dan petak-petak yang menunjukkan kedudukan kesemua bangunan di atasnya;
- (c) dalam hal pecah bahagi bangunan, dan pecah bahagi tanah kepada petak tanah dengan tingkat bawah tanah yang dikongsi, menyertakan suatu keratin menegak bagi setiap bangunan tersebut atau tingkat bawah tanah yang dikongsi, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang menunjukkan—
 - (i) lantai dan siling setiap tingkat; dan
 - (ii) ketinggian setiap tingkat; dan
- (d) mengandungi apa-apa butir terperinci lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengarah Ukur.

(4) Tiap-tiap pelan tingkat hendaklah—

- (a) menyatakan nombor lot dan nombor hakmilik tanah yang terkandung dalamnya, dan bangunan serta tingkat yang dinomborkannya yang baginya pelan itu berkaitan;
 - (b) menandakan, tertakluk kepada peruntukan perenggan (7)(a) dan (b), setiap petak yang dicadangkan dan menentukan sempadannya dengan merujuk kepada lantai dan dinding yang menunjukkan dimensi mendatar, tanpa perlu menunjukkan bering;
 - (c) menunjukkan berkenaan dengan setiap petak itu nombor yang dengannya petak itu diperihalkan dalam pelan strata yang dicadangkan;
 - (d) menyatakan keluasan lantai setiap petak;
 - (e) membezakan apa-apa bahagian sebagai tidak dimasukkan ke dalam mana-mana petak tetapi hendak dijadikan sebahagian daripada harta bersama; dan
 - (f) mengandungi apa-apa butir terperinci lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengarah Ukur.
- (5) Tiap-tiap pelan tandaan hendaklah—
- (a) menyatakan nombor lot dan nombor hakmilik tanah yang terkandung dalamnya, dan petak tanah yang baginya pelan itu berkaitan;
 - (b) menandakan setiap petak tanah yang dicadangkan dengan merujuk kepada sempadan lot yang menunjukkan bering dan jarak bagi setiap sempadan;
 - (c) menunjukkan berkenaan dengan setiap petak tanah itu nombor yang dengannya petak tanah itu diperihalkan dalam pelan strata yang dicadangkan;
 - (d) menyatakan keluasan setiap petak tanah;

- (e) membezakan mana-mana bahagian sebagai tidak dimasukkan ke dalam mana-mana petak tanah tetapi adalah menjadi sebahagian daripada harta bersama; dan
 - (f) mengandungi apa-apa butir terperinci lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengarah Ukur.
- (6) Tiap-tiap pelan strata yang dicadangkan hendaklah—
- (a) menunjukkan petunjuk bagi—
 - (i) semua petak;
 - (ii) semua harta bersama; dan
 - (iii) semua petak aksesori, dan menyatakan dalamnya petak-petak yang dijadikan berhubung kait dengannya, tidak kira sama ada petak-petak aksesori itu adalah berdampingan dengan petak-petak yang dinyatakan itu; dan
 - (b) mengandungi apa-apa butir lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah Ukur.
- (7) Jika suatu petak aksesori—
- (a) mengandungi suatu bangunan atau bahagian-bahagiannya dan disempadani dengan dinding luar, lantai dan siling, dimensi dan sempadan petak aksesori itu hendaklah ditunjukkan dalam pelan strata yang dicadangkan itu mengikut kehendak subseksyen (3), (4) dan (5);
 - (b) tidak mengandungi suatu bangunan atau bahagian-bahagiannya—
 - (i) sempadan-sempadan luar bagi petak aksesori itu hendaklah dipastikan daripada pelan bangunan yang diluluskan oleh pihak berkuasa perancangan, dan petak aksesori itu hendaklah mencapai ketinggian yang munasabah atau setakat apa-apa

unjuran di bahagian atas atau melanggar sempadan di bawah aras bumi oleh suatu bahagian lain lot itu; dan

- (ii) pelan strata yang dicadangkan hendaklah menunjukkan gambar rajah petak aksesori dengan dimensi yang serupa dengan dimensi sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan yang diluluskan yang disebut dalam subperenggan (i).

(8) Pengarah Ukur hendaklah sesudah itu menyemak pelan lokasi, pelan tingkat dan pelan tandaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, menjalankan atau menyebabkan dijalankan apa-apa kerja ukur tanah, mana-mana bangunan di atasnya atau mana-mana petak, dan hendaklah—

- (a) mengeluarkan sijil cadangan pelan strata kepada pemohon jika dia berpuas hati bahawa pelan itu teratur;
- (b) mengeluarkan satu salinan sijil itu kepada Pentadbir Tanah bagi maksud seksyen 8; dan
- (c) memberitahu Pentadbir Tanah akan amaun fi yang hendak dipungut berkenaan dengan pelan yang disebabkan supaya disediakan sekiranya permohonan itu diluluskan.

(9) Jika suatu permohonan di bawah subseksyen (1) melibatkan blok atau blok-blok sementara menurut seksyen 9A, kehendak-kehendak yang berikut yang berhubungan dengan blok atau blok-blok sementara itu hendaklah, sebagai tambahan kepada kehendak-kehendak seksyen 9 yang berhubungan dengan bangunan atau bangunan-bangunan atau tanah tertentu yang hendak dipecahbagikan, dipatuhi dalam membuat permohonan itu:

- (a) permohonan itu hendaklah disertakan dengan salinan asal pelan bangunan yang diluluskan oleh pihak berkuasa perancangan bagi bangunan atau bangunan-bangunan untuk, atau yang sedang, didirikan;

- (b) pelan lokasi hendaklah termasuk suatu petunjuk, dan hendaklah menandakan kedudukan setiap blok sementara, yang menunjukkan, mengikut pelan-pelan bangunan yang diluluskan, keratan tegak dan dimensi-dimensi bangunan atau tingkat bawah tanah yang dikongsi bagi petak tanah, jika ada;
- (c) permohonan itu hendaklah disertai, sebagai membentuk sebahagian daripada pelan strata yang dicadangkan, dengan suatu pelan tingkat berkenaan dengan setiap blok sementara, yang hendaklah menandakan sempadan-sempadan luar, dan menunjukkan, mengikut pelan-pelan bangunan yang diluluskan, dimensi-dimensi mendatar bangunan atau tingkat bawah tanah yang dikongsi bagi petak tanah, jika ada, yang padanya blok sementara itu berkaitan, tanpa perlu menunjukkan apa-apa bering; dan
- (d) pelan strata yang dicadangkan hendaklah, bagi maksud blok atau blok-blok sementara bagi maksud tanah—
 - (i) menandakan blok yang dicadangkan dengan merujuk kepada sempadan lot yang menunjukkan bering dan jarak bagi setiap sempadan;
 - (ii) menyatakan keluasan blok atau blok-blok sementara; dan
 - (iii) mengandungi apa-apa butir lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah Ukur.

Permohonan bagi pecah bahagi bangunan, dsb.

9. (1) Suatu permohonan bagi mendapatkan kelulusan Pengarah bagi pecah bahagi bangunan atau tanah hendaklah dibuat dalam Borang 1 kepada Pentadbir Tanah dan hendaklah disertai dengan—

- (a) apa-apa fi sebagaimana yang ditetapkan;
- (b) apa-apa fi sebagaimana yang diberitahu oleh Pengarah Ukur di bawah perenggan 8A(8)(c);

- (c) sijil cadangan pelan strata;
- (d) perakuan klasifikasi bangunan kos rendah yang dikeluarkan di bawah subseksyen 9B(3), jika ada;
- (e) keizinan-keizinan bertulis kepada pembuatan permohonan itu daripada tiap-tiap orang yang, pada masa permohonan dibuat, adalah berhak mendapat faedah daripada pajakan seluruh atau mana-mana bahagian tanah itu, selain bahagian yang betul-betul menepati, atau termasuk dalam, salah satu daripada petak-petak yang akan wujud setelah dipecah bahagi;
- (f) cadangan nama perbadanan pengurusan, dan alamat bagi penyampaian dokumen-dokumen kepadanya, yang dikehendaki supaya dibekalkan menurut subseksyen 15(3);
- (g) dokumen hakmilik keluaran bagi lot itu;
- (h) suatu salinan yang diperakui sah perakuan siap dan pematuhan atau sijil layak menduduki, mengikut mana-mana yang berkenaan, kecuali—
 - (i) dalam hal di bawah perenggan 8(2)(a);
 - (ii) apabila bangunan diklasifikasikan sebagai bangunan khas dan salinan yang diperakui sah perakuan siap dan pematuhan atau sijil layak menduduki itu tidak boleh didapati; atau
 - (iii) dalam mana-mana hal keadaan lain apabila Pentadbir Tanah berpuas hati bahawa salinan yang diperakui sah perakuan siap dan pematuhan atau sijil layak menduduki itu boleh dikecualikan; dan
- (i) salinan yang diperakui sah jadual petak atau jadual petak terpinda, mengikut mana-mana yang berkenaan, kecuali dalam hal di bawah perenggan 8(2)(b) dan (d).

(2) Tiada permohonan di bawah subseksyen (1) boleh dibuat melainkan jika—

- (a) tanah itu dipegang di bawah hakmilik tetap;
- (b) penggunaan tanah itu tidak bertentangan dengan kategori dan syarat-syarat tanah; dan
- (c) tanah itu tidak tertakluk kepada apa-apa gadaian atau lien.

(3) Apabila menerima suatu permohonan di bawah subseksyen (1), Pentadbir Tanah hendaklah mengendorskan atau menyebabkan untuk diendors, suatu catatan mengenai pembuatannya dalam dokumen hakmilik daftar.

(4) Pentadbir Tanah hendaklah sesudah itu sekiranya dia berpuas hati bahawa permohonan itu dan dokumen-dokumen lain yang dikemukakan bersamanya itu adalah teratur, menghantarkan permohonan itu dan dokumen-dokumen lain itu kepada Pengarah bersama-sama dengan syor Pentadbir Tanah untuk kelulusan atau penolakan.

Permohonan bagi pecah bahagi dalam hal pembangunan berperingkat-peringkat

9A. Suatu permohonan di bawah subseksyen 9(1), kecuali jika ia berhubung dengan bangunan kos rendah, hendaklah termasuk suatu permohonan bagi pengeluaran hakmilik strata sementara bagi blok sementara yang berkenaan dengan bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk, atau sedang, didirikan di atas lot yang berkenaan.

Permohonan bagi pecah bahagi dalam hal bangunan-bangunan kos rendah

9B. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, atas permohonan oleh seseorang pemilik mana-mana tanah beri hakmilik atau pada bila-bila masa atas kehendaknya sendiri, dengan mengambil kira lokasi, jenis

pembinaan dan kos bangunan itu, mengklasifikasikannya sebagai bangunan kos rendah.

(2) Tanpa menjejaskan subseksyen (1), Pihak Berkuasa Negeri boleh mengklasifikasikan mana-mana jenis bangunan sebagai bangunan kos rendah.

(3) Apabila mengklasifikasikan mana-mana bangunan sebagai bangunan kos rendah, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah mengeluarkan suatu perakuan kepada pemilik tanah beri hakmilik itu.

(4) Apabila diterima perakuan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, pemilik tanah beri hakmilik itu hendaklah memohon untuk memecahbahagikan bangunan itu di bawah subseksyen 9(1).

(5) Tiada bangunan yang didirikan dalam suatu blok sementara boleh diklasifikasikan sebagai suatu bangunan kos rendah.

Syarat-syarat bagi kelulusan

10. (1) Pengarah tidak boleh meluluskan pecah bahagi manamana bangunan atau tanah kepada petak-petak melainkan jika syarat-syarat yang berikut telah dipenuhi:

- (a) bahawa Pengarah Ukur telah mengeluarkan sijil cadangan pelan strata;
- (b) bahawa pecah bahagi itu tidak akan melanggar apa-apa syarat atau sekatan kepentingan yang tanah yang terkandung dalam lot itu adalah tertakluk kepadanya pada masa itu;
- (c) bahawa pecah bahagi itu tidak akan bertentangan dengan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa, dan bahawa apa-apa kehendak yang dikenakan mengenainya oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis itu telah dipatuhi;

- (d) bahawa tidak ada butiran hasil tanah yang belum dibayar berkenaan dengan tanah itu;
- (e) bahawa keizinan secara bertulis mengenai pembuatan permohonan itu telah diperoleh daripada tiap-tiap orang yang pada masa kelulusan itu dipohonkan, adalah berhak mendapat faedah daripada pajakan keseluruhan atau mana-mana bahagian tanah itu, selain sebahagian yang betul-betul menepati, atau termasuk dalam, salah satu daripada petak-petak yang akan wujud setelah dipecah bahagi;
- (f) bahawa, jika tanah yang di atasnya bangunan atau bangunan-bangunan itu terdiri dipegang untuk tempoh beberapa tahun, masih terdapat suatu tempoh tidak kurang daripada dua puluh satu tahun untuk tamat;
- (g) bahawa tanah yang di atasnya bangunan atau bangunan-bangunan itu terdiri tidak tertakluk kepada apa-apa gadaian atau lien;
- (h) bahawa unit syer yang dicadangkan yang diuntukkan kepada petak-petak itu oleh pemilik lot dalam permohonannya dalam Borang 1 adalah saksama; dan
- (i) bahawa tanah itu dipegang di bawah hakmilik tetap.

(2) Dalam hal sesuatu permohonan yang melibatkan blok atau blok-blok sementara menurut kuasa seksyen 9A, Pengarah tidak boleh meluluskan pecah bahagi mana-mana bangunan atau tanah yang dimaksudkan oleh permohonan itu melainkan jika syarat-syarat tambahan yang berikut dipenuhi:

- (a) bahawa telah diperakui oleh juruukur tanah yang kedudukan setiap blok sementara sebagaimana yang ditandakan di atas pelan lokasi adalah keseluruhannya dalam sempadan lot yang berkenaan;
- (b) bahawa kuantum unit-unit syer sementara yang diuntukkan kepada setiap blok sementara oleh pemilik lot itu dalam permohonannya dalam Borang 1 adalah saksama; dan

(c) bahawa pemilik itu—

- (i) telah memberikan tarikh bila yang dia mengaku janji bahawa pembinaan bangunan atau setiap bangunan yang dimaksudkan oleh blok atau blok-blok sementara itu akan disiapkan;
- (ii) telah membayar kepada Pengarah berkenaan dengan setiap blok sementara suatu deposit dengan amaun yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengarah itu; dan
 - (i) berkuat kuasa tidak kurang daripada sepuluh tahun selepas mula berkuatkuasanya Bahagian ini; dan

- (ii) dibuat bersama penyemakan cukai di bawah seksyen 101 Kanun Tanah Negara; dan
 - (b) mana-mana semakan terkemudian hendaklah—
 - (i) berkuat kuasa tidak kurang daripada sepuluh tahun selepas semakan terakhir cukai itu; dan
 - (ii) dibuat bersama penyemakan cukai di bawah seksyen 101 Kanun Tanah Negara.
- (6) Jika suatu penyemakan cukai telah dibuat di bawah seksyen ini, Pendaftar atau Pentadbir Tanah hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh—
- (a) meminda amaun cukai yang diendorskan pada dokumen hakmilik, dan kena dibayar berkenaan dengan, petak atau blok sementara yang terkesan oleh penyemakan dengan menggantikan cukai yang disemak bagi amaun tersebut; dan
 - (b) mencatatkan tarikh membuat pindaan dan kuasa berkenaan dengannya dan mengesahkan pindaan itu di bawah tandatangan dan meterainya.

Kesan penamatan pecah bahagian

23j. Berhubung dengan memorial yang dibuat menurut subseksyen 57(2), Pendaftar hendaklah membuat suatu memorial pada dokumen hak milik daftar dan keluaran bagi lot itu, tarikh yang cukai bagi lot itu mula berkuat kuasa pada tahun kalendar yang berikutnya pada semakan terkini menurut seksyen 101 Kanun Tanah Negara.

BAHAGIAN IVB

PELUCUTHAKAN DAN PELETAKHAKAN

Tafsiran

23k. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“penerima pindahan” ertinya pihak berkuasa berkanun yang ditetapkan untuk didaftarkan sebagai pemilik baharu melalui peletakhakan untuk memegang petak atau blok sementara bagi pihak, dan bagi faedah, Pihak Berkuasa Negeri;

“bekas pemilik” ertinya orang, atau badan, yang sebaik sebelum perkembalian petak atau blok sementara kepada Pihak Berkuasa Negeri adalah pemilik bagi petak atau blok sementara itu.

Perkembalian kepada Pihak Berkuasa Negeri dan peletakhakan mula berkuat kuasa apabila pemberitahuan disiarkan dalam *Warta*

23L. (1) Pentadbir Tanah hendaklah, selepas membuat suatu perintah di bawah seksyen 23H Akta ini atau seksyen 129 Kanun Tanah Negara berhubung dengan mana-mana petak atau blok sementara, menyiarkan di dalam *Warta* suatu pemberitahuan dalam Borang 12.

(2) Pentadbir Tanah hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, selepas penyiaran Borang 12 dalam *Warta*—

(a) menyebabkan suatu salinan pemberitahuan di bawah subseksyen (1) dihantar kepada perbadanan pengurusan; dan

(b) menyiarkan pemberitahuan mengikut seksyen 433 Kanun Tanah Negara.

(3) Pendaftar hendaklah, selepas penyiaran dalam perenggan (2)(b), membuat suatu memorial yang menyatakan petak atau blok sementara

itu telah dilucut hak dan diletak hak pada penerima pindahan pada dokumen hakmilik daftar dan dokumen hakmilik keluaran.

Kesan pelucuthakan

23M. Apabila mula berkuat kuasa apa-apa pelucuthakan berhubung dengan mana-mana petak atau blok sementara di bawah Bahagian ini—

- (a) petak atau blok sementara itu hendaklah dikembalikan dan diletak hak pada penerima pindahan, bebas dan terlepas daripada apa-apa kepentingan yang sedia ada atau yang boleh timbul sebaik sebelum pelucuthakan itu mula berkuat kuasa;
- (b) Pentadbir Tanah, melalui notis dalam *Warta* dalam Borang 12, mengisytiharkan petak atau blok sementara yang dikembalikan kepada Pihak Berkuasa Negeri hendaklah diletak hak dan didaftarkan atas nama penerima pindahan untuk memegang petak atau blok sementara itu bagi pihak, dan bagi faedah, Pihak Berkuasa Negeri;
- (c) hendaklah juga diletak hak pada penerima pindahan tanpa apa-apa tunggakan yang berhubungan dengan caruman, hutang dan apa-apa bayaran tertunggak yang kena dibayar di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 yang bertanggung kepada bekas pemilik;
- (d) hendaklah terletak hak pada penerima pindahan, tanpa bayaran pampasan, apa-apa petak atau blok sementara yang pada masa itu wujud di atas tanah itu; dan
- (e) apa-apa butiran hasil tanah yang pada masa itu terhutang kepada Pihak Berkuasa Negeri berhubung dengan petak atau blok sementara itu hendaklah dihapuskan.

Petak atau blok sementara tidak boleh dipindah milik semasa tempoh rayuan terhadap pelucuthakan

23n. (1) Jika mana-mana petak atau blok sementara telah dikembalikan dan terletak hak kepada penerima pindahan oleh sebab bermulanya kuat kuasa mana-mana pelucuthakan di bawah Bahagian ini, penerima pindahan hendaklah tidak menguatkuasakan urusan niaga yang dibenarkan di bawah Penggal IV Kanun Tanah Negara pada bila-bila masa sebelum—

- (a) tamatnya tempoh tiga bulan di bawah seksyen 418 Kanun Tanah Negara yang suatu rayuan dibuat di hadapan mahkamah terhadap perintah Pentadbir Tanah di bawah seksyen 23H Akta ini atau seksyen 129 Kanun Tanah Negara; atau
- (b) penentuan rayuan itu dan apa-apa prosiding yang berbangkit daripadanya (jika rayuan sedemikian dibuat dalam tempoh itu).

(2) Peruntukan subseksyen (1) hendaklah tidak menjejaskan kuasa Pihak Berkuasa Negeri di bawah seksyen 23o untuk membatalkan pelucuthakan pada bila-bila masa atas petisyen oleh bekas pemilik sejeurus sebelum pelucuthakan itu mula berkuat kuasa.

Kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk membatalkan pelucuthakan, dsb.

23o. (1) Mana-mana bekas pemilik sebaik sebelum pelucuthakan di bawah Bahagian ini boleh pada bila-bila masa memohon melalui suatu petisyen kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk membatalkan pelucuthakan itu.

(2) Pihak Berkuasa Negeri boleh atas budi bicara mutlaknya menolak atau membenarkan apa-apa petisyen di bawah seksyen ini, dan jika Pihak Berkuasa Negeri membenarkan petisyen itu, boleh berbuat demikian dengan syarat bayaran telah dibuat oleh pempetisyen—

- (a) jika pelucuthakan itu melibatkan cukai yang tidak dibayar—
- (i) semua jumlah tertunggak yang dikehendaki dibayar oleh notis tuntutan yang disampaikan di bawah seksyen 23E Akta ini;
 - (ii) suatu penalti, tidak melebihi enam kali jumlah wang yang dia dikehendaki membayar di bawah subperenggan (i), sebagaimana yang Pihak Berkuasa Negeri fikirkan patut dikenakan; dan
 - (iii) suatu jumlah wang lain yang dibayar oleh penerima pindahan apabila berkuatkuasanya pelucuthakan menurut subseksyen 23L(3);
- (b) jika pelucuthakan melibatkan suatu pelanggaran syarat, Pihak Berkuasa Negeri boleh menentukan suatu amaun berkenaan dengan perbelanjaan yang disebabkan oleh daripada pelucuthakan itu; dan
- (c) semua jumlah yang disebut dalam perenggan (a) atau (b) hendaklah dibayar dalam tempoh satu bulan bermula dari tarikh ia dimaklumkan.

(3) Apabila pempetisyen gagal untuk menyelesaikan jumlah yang dikehendaki dibayar di bawah perenggan (2)(c), kebenaran petisyen bagi pembatalan pelucuthakan itu hendaklah terbatal dan tidak sah.

(4) Selepas pembayaran semua jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan (2)(c) dibuat, Pendaftar hendaklah membuat suatu memorial bagi menguatkuasakan peletakhakan petak atau blok sementara kepada pempetisyen pada dokumen-dokumen hakmilik daftar dan keluaran.

Rayuan terhadap pelucuthakan

23P. (1) Kesahan mana-mana pelucuthakan di bawah Bahagian ini tidaklah boleh dipersoal dalam mana-mana mahkamah kecuali dengan

cara, atau dalam prosiding terkemudian, suatu rayuan di bawah seksyen 418 Kanun Tanah Negara terhadap perintah Pentadbir Tanah di bawah seksyen 23H Akta ini atau seksyen 129 Kanun Tanah Negara, dan walau apa pun dalam mana-mana undang-undang bertulis lain, tiada apa-apa rayuan hendaklah dimulakan selepas tamat tempoh tiga bulan yang dibenarkan di bawah seksyen 418 Kanun Tanah Negara.

(2) Tiada apa jua perintah oleh Pentadbir Tanah di bawah seksyen 23H Akta ini atau seksyen 129 Kanun Tanah Negara hendaklah diketepikan oleh mana-mana mahkamah kecuali atas alasan ia dibuat berlawanan dengan peruntukan Bahagian ini, atau adanya kegagalan pada pihak Pentadbir Tanah untuk mematuhi kehendak mana-mana peruntukan sedemikian, dan tiada perintah sedemikian hendaklah diketepikan hanya oleh sebab apa-apa ketidakaturan dalam bentuk atau penyampaian mana-mana notis di bawah Bahagian IVA dan Bahagian ini melainkan jika, pada pendapat mahkamah, ketidakaturan itu adalah suatu sifat yang penting.

(3) Dalam apa-apa rayuan atau prosiding lain seperti yang disebut dalam subseksyen (1), ia hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya bahawa semua notis yang dikehendaki disampaikan di bawah Bahagian IVA dan Bahagian ini telah disampaikan dengan sempurna dan menurut peraturan.

(4) Peruntukan subseksyen (1) tidaklah menyentuh hak mana-mana orang atau badan untuk mengambil suatu tindakan bagi ganti rugi terhadap Pihak Berkuasa Negeri, atau (tertakluk kepada seksyen 22 Kanun Tanah Negara), terhadap mana-mana pegawai yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri, berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau perkara yang dilakukan dengan salahnya, atau diperintah supaya dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan, berkaitan dengan apa-apa pelucuthakan di bawah Bahagian ini.

BAHAGIAN V

BANGUNAN ATAU TANAH YANG DIPECAH BAHAGI: PECAHAN
DAN PENYATUAN PETAK-PETAK**Tafsiran**

24. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“baru”, berhubungan dengan sesuatu petak, ertinya hasil daripada atau bermaksud hendak dihasilkan daripada sesuatu pecahan atau penyatuan;

“pecahan” ertinya pecahan petak-petak;

“penyatuan” ertinya penyatuan petak-petak;

“permohonan” ertinya permohonan untuk memecah atau menyatukan petak-petak;

“terlibat”, berhubungan dengan sesuatu petak, ertinya terlibat atau yang bermaksud terlibat oleh suatu pecahan atau penyatuan.

Kuasa untuk memecah dan menyatukan petak-petak

25. (1) Seseorang pemilik petak boleh, dengan kelulusan Pengarah—

(a) memecah petaknya kepada dua petak baru atau lebih, setiap satunya untuk dipegang olehnya di bawah hakmilik strata yang berasingan; atau

(b) sekiranya dia memegang dua petak berdampingan atau lebih, menyatukannya supaya menjadi satu petak yang akan dipegang olehnya di bawah hakmilik strata yang tunggal.

(1A) Tiada permohonan di bawah subseksyen (1) boleh dibuat melainkan jika—

- (a) berhubung dengan pecahan petak, syarat nyata bagi petak baharu tidak bertentangan dengan syarat nyata petak yang terlibat; atau
- (b) berhubung dengan penyatuan petak—
 - (i) syarat nyata bagi petak yang terlibat tidak bertentangan antara satu sama lain; dan
 - (ii) syarat nyata bagi petak baharu tidak bertentangan dengan syarat nyata petak yang terlibat.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(b), mana-mana dua petak atau lebih hendaklah dikira sebagai berdampingan jika setiap petak itu sama-sama berkongsi satu sempadan, termasuk sempadan yang mengandungi lantai atau siling, di antara satu sama lain.

(3) Jika pecahan sesuatu petak atau penyatuan dua petak atau lebih mengakibatkan pewujudan apa-apa harta bersama tambahan atau baru, pemilik hendaklah mendapatkan keizinan bertulis perbadanan pengurusan dan kelulusan daripada pihak berkuasa berkaitan sebelum membuat permohonan di bawah seksyen 28 untuk mendapatkan kelulusan Pengarah.

Kesan pecahan atau penyatuan

26. (1) Apabila dibuat pecahan, bilangan unit syer setiap petak hendaklah nombor bulat yang diuntukkan oleh pemilik petak yang dipecahkan itu sebagaimana yang diluluskan oleh Pengarah:

Dengan syarat bahawa jumlah bilangan unit syer bagi semua petak baru hendaklah sama banyaknya dengan bilangan unit syer bagi petak yang dipecahkan itu.

(2) Apabila dibuat penyatuan, bilangan unit syer bagi petak baru hendaklah sama banyak bilangannya dengan jumlah bilangan unit syer bagi petak-petak yang disatukan itu.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (1) dan (2), Akta Pengurusan Strata 2013 hendaklah terpakai berhubungan dengan petak baru dalam bangunan yang dipecahbahagikan atau tanah itu seolah-olah petak baru itu adalah salah satu daripada petak yang wujud apabila bangunan itu telah dipecahbahagikan atau tanah.

Syarat-syarat kelulusan pecahan atau penyatuan

27. Pengarah tidaklah boleh meluluskan suatu pecahan atau penyatuan melainkan jika syarat-syarat yang berikut telah dipenuhi:

- (a) bahawa pecahan atau penyatuan yang dicadangkan tidak akan melanggar apa-apa sekatan kepentingan yang dengannya mana-mana petak yang terlibat itu adalah tertakluk kepadanya;
- (b) bahawa pecahan atau penyatuan yang dicadangkan tidak akan bertentangan dengan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa dan bahawa apa-apa kehendak yang dikenakan berkenaan dengan pecahan atau penyatuan itu oleh atau di bawah mana-mana undang-undang itu telah dipatuhi;
- (c) bahawa tidak ada butiran hasil tanah yang belum dibayar berkenaan dengan mana-mana petak yang terlibat;
- (d) bahawa keizinan secara bertulis mengenai pembuatan permohonan itu telah diperoleh daripada tiap-tiap orang yang pada masa kelulusan itu dipohonkan, adalah berhak mendapat faedah dari—
 - (i) gadaian bagi petak yang terlibat;
 - (ii) pajakan petak yang terlibat atau mana-mana bahagian daripadanya, selain, dalam hal suatu pecahan, sebahagian yang betul-betul bersamaan dengan atau termasuk dalam salah satu daripada petak-petak baru itu;

- (iii) gadaian bagi pajakan yang sedemikian itu; atau
- (iv) lien ke atas petak yang terlibat itu atau pajakan yang sedemikian itu;
- (da) bahawa, jika pecahan atau penyatuan mengakibatkan pewujudan harta bersama tambahan atau harta bersama baru, keizinan bertulis perbadanan pengurusan dan kelulusan daripada pihak berkuasa berkaitan mengenai pembuatan permohonan itu telah diperoleh;
- (e) bahawa jika penyatuan dicadangkan, setiap petak baru akan mempunyai perhubungan dalaman yang memadai yang tidak melintasi harta bersama;
- (f) bahawa, jika pecahan dicadangkan, setiap petak baru akan mempunyai jalan masuk yang memadai yang tidak melintasi suatu petak yang lain; dan
- (g) bahawa unit syer yang dicadangkan untuk diberikan kepada petak baru oleh pemilik dalam permohonannya dalam Borang 6 adalah saksama.

Permohonan mendapatkan kelulusan

28. (1) Apa-apa permohonan bagi mendapatkan kelulusan Pengarah mengenai sesuatu pecahan atau penyatuan hendaklah dibuat secara bertulis dalam Borang 6 atau 7, mengikut mana yang berkenaan, kepada Pentadbir Tanah dan hendaklah disertakan dengan—

- (a) apa-apa fi sebagaimana yang ditetapkan;
- (b) suatu pelan dalam tiga salinan, yang diperakui dengan sempurna oleh juruukur tanah dan menunjukkan segala butiran mengenai pecahan atau penyatuan itu;
- (c) suatu penyata daripada pemohon tentang bilangan unit syer petak atau petak baru;

- (d) segala keizinan bertulis mengenai pembuatan permohonan sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan 27(d);
 - (da) keizinan bertulis perbadanan pengurusan dan kelulusan daripada pihak berkuasa berkaitan mengenai pembuatan permohonan itu sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan 27(da); dan
 - (e) dokumen hakmilik keluaran bagi petak atau petak-petak yang terlibat.
- (2) Apabila menerima apa-apa permohonan, Pentadbir Tanah hendaklah—
- (a) mengendorskan atau menyebabkan diendorskan suatu catatan mengenai pembuatan permohonan itu dalam dokumen hakmilik daftar bagi setiap petak yang terlibat; dan
 - (b) merujukkan permohonan itu kepada Pengarah Ukur dan menghantarkan kepadanya sesalinan pelan yang dikemukakan di bawah subseksyen (1).

Tindakan oleh Pengarah Ukur

29. Pengarah Ukur hendaklah, apabila menerima salinan pelan yang dihantarkan oleh Pentadbir Tanah, memeriksa pelan tersebut dan menjalankan atau menyebabkan dijalankan apa-apa kerja ukur-mengukur bagi petak atau petak-petak yang terlibat sebagaimana yang difikirkannya mustahak dan menasihatkan Pentadbir Tanah sama ada pelan itu adalah teratur atau tidak.

Pentadbir Tanah hendaklah menghantar permohonan kepada Pengarah Tanah dan Galian

30. Apabila menerima nasihat daripada Pengarah Ukur, Pentadbir Tanah hendaklah menghantarkan kepada Pengarah, permohonan dan dokumen yang disertakan sekali dengan syornya.

Kuasa Pengarah Tanah dan Galian berhubungan dengan permohonan bagi pecahan atau penyatuan

31. (1) Pengarah, apabila menerima permohonan itu dan dokumen yang disertakan daripada Pentadbir Tanah, hendaklah—

(a) meluluskan pecahan atau penyatuan yang dimaksudkan dengan pelan itu jika pada hematnya bahawa syarat-syarat yang dinyatakan dalam seksyen 27 telah dipenuhi; dan

(b) dalam apa-apa hal lain, menolak permohonan itu.

(2) Jika Pengarah telah menolak sesuatu permohonan, dia hendaklah memberitahu Pentadbir Tanah dan Pentadbir Tanah hendaklah pula segera memberitahu pemilik dan hendaklah membatalkan atau menyebabkan dibatalkan catatan yang diendorseskan dalam dokumen hakmilik daftar di bawah subseksyen 28(2)(a).

(3) Jika Pengarah telah meluluskan sesuatu pecahan atau penyatuan, dia hendaklah—

(a) menghantar kepada Pengarah Ukur permohonan itu dan dokumen lain yang disertakan; dan

(b) memberitahu Pentadbir Tanah akan kelulusan itu dan mengarahkannya supaya memungut daripada pemilik, fi sebagaimana yang diberitahukan oleh Pengarah Ukur di bawah seksyen 29 dan fi untuk menyediakan dan mendaftarkan hakmilik strata.

Penyediaan pelan strata baru yang diperakui oleh Pengarah Ukur

32. Pengarah Ukur hendaklah, apabila menerima permohonan yang diluluskan dan dokumen lain yang disertakan, dan setelah diberitahu oleh Pentadbir Tanah yang amaun yang dituntut berkenaan dengan finya itu telah dibayar dengan sepenuhnya, mengambil apa-apa jua tindakan sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 13 berkenaan dengan—

- (a) penyediaan pelan strata baru yang diperakui dengan memasukkan perubahan yang dibuat melalui pecahan atau penyatuan, untuk difailkan di dalam pejabatnya bagi menggantikan pelan strata asal yang diperakui; dan
- (b) penyediaan sesalinan pelan strata baru yang diperakui untuk simpanan Pendaftar dan salinan tambahan pelan itu untuk dikepilkkan kepada dokumen hakmilik keluaran itu,

dan hendaklah menghantarkannya kepada Pengarah, salinan yang disediakan sedemikian itu berserta dengan permohonan dan dokumen lain yang disertakan itu.

Pengubahsuaian daftar strata dan pengeluaran dokumen hakmilik baru

33. (1) Apabila diterima daripada Pengarah Ukur salinan pelan strata baru yang diperakui yang baru dan dokumen lain yang disertakan, dan setelah diberitahu oleh Pentadbir Tanah yang fi berkenaan dengan penyediaan dan pendaftaran hakmilik strata bagi petak atau petak-petak baru itu telahpun dibayar dengan sempurnanya, Pengarah hendaklah mengarahkan Pendaftar supaya mengambil tindakan sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen (2).

(2) Apabila diarahkan oleh Pengarah, Pendaftar hendaklah—

- (a) menggantikan salinan pelan strata asal yang diperakui dalam buku daftar strata yang berkaitan dengan salinan pelan strata baru yang diperakui yang disediakan untuk simpanannya;
- (b) meminda jadual unit syer bagi petak itu dan membuat apa-apa perubahan lain dalam buku daftar strata yang berkaitan sebagaimana yang perlu untuk mengambilkira perubahan yang dibuat melalui pecahan atau penyatuan; dan
- (c) mengeluarkan hakmilik sambungan bagi petak atau petak-petak baru seolah-olah dia mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang dipecahbagagikan atau

disatukan di bawah Bab 1 atau 3 Bahagian Sembilan Kanun Tanah Negara.

Kesan pendaftaran berkaitan dengan harta bersama yang wujud kerana pecahan atau penyatuan

33A. Apabila hakmilik atau hakmilik strata bagi petak baru atau petak-petak baru itu didaftarkan kerana pecahan atau penyatuan, bahagian apa-apa petak yang wujud sebagai harta bersama hendaklah disifatkan membentuk sebahagian daripada harta bersama berhubungan dengan semua petak yang terkandung dalam bangunan atau tanah yang dipecah bahagi.

BAHAGIAN VI

HAK DAN OBLIGASI YANG TERIKAT PADA PETAK INDIVIDU DAN BLOK SEMENTARA

Hak pemilik dalam petaknya dan harta bersama

34. (1) Tertakluk kepada seksyen ini dan peruntukan lain dalam Akta ini, seorang pemilik hendaklah mempunyai—

- (a) berhubungan dengan petaknya (dalam hal pemilik petak), kuasa yang diberi oleh Kanun Tanah Negara kepada seorang pemilik berhubungan dengan tanahnya; dan
- (b) berhubungan dengan harta bersama, hak penggunaan yang dia akan dapati sekiranya dia dan pemilik yang lain adalah pemilik bersama baginya.

(2) Tiada apa jua hak dalam sesuatu petak aksesori boleh diurusniagakan atau dilupuskan dengan cara bebas dari petak yang petak aksesori itu telah dihubungkan.

(3) Tiada apa jua hak dalam harta bersama boleh dilupuskan oleh seorang pemilik petak kecuali sebagai hak yang berhubung kait dengan petak itu, dan mana-mana pelupusan petak oleh pemilik petak

hendaklah tanpa rujukan nyata termasuk pelupusan yang serupa bagi hak-hak dalam harta bersama yang berhubung kait dengan petak itu.

(4) Pemilik tidak dibenarkan untuk memohon bagi meminda apa-apa syarat nyata ke atas dokumen hakmilik stratanya.

Hak mendapat sokongan, perkhidmatan dan perlindungan

35. (1) Bagi faedah dan untuk setiap pemilik petak maka hendaklah disiratkan satu hak mendapat sokongan dan hak mendapat perkhidmatan.

(2) Setiap pemilik petak adalah berhak meminta supaya petaknya itu dilindungi dari mana-mana jua bahagian bangunan atau tanah yang telah dipecahbahagikan yang berkebolehan memberi perlindungan dan boleh, bagi maksud menggantikan, memperbaharui atau memulihkan semula mana-mana perlindungan dan boleh, bagi maksud menggantikan, memperbaharui atau memulihkan semula mana-mana perlindungan itu, masuk ke dalam harta bersama itu atau mana-mana petak lain.

(3) Hak dan obligasi yang disebutkan dalam subseksyen (1) dan (2) hendaklah berkuat kuasa tanpa memorial atau pemberitahuan dalam daftar strata, dan hendaklah disiratkan berkenaan dengannya itu apa-apa hak atau obligasi sampingan sebagaimana yang semunasabahnya perlu untuk menguatkuasakannya.

(4) Dalam seksyen ini—

“hak mendapat sokongan” ertinya hak mendapat sokongan subjasen dan sisian oleh harta bersama dan oleh tiap-tiap petak lain yang berkebolehan memberi sokongan;

“hak mendapat perkhidmatan” ertinya hak laluan atau mendapat perkhidmatan air, pemetung, parit, gas, elektrik, sampah, udara yang didinginkan atau dipanaskan secara buatan dan lain-lain perkhidmatan (termasuk perkhidmatan telefon, radio dan televisyen) yang melalui atau dengan cara paip, wayar, kabel atau salur.

Hak unit syer

36. Nilai setiap petak, kecuali dalam hal petak aksesori di mana tiada nilai syer diuntukkan, yang ditunjukkan dalam jadual unit syer hendaklah dikira sebagai hak unit syer, dan dalam hal petak sementara nilainya hendaklah dikira sebagai hak unit syer sementara. Unit syer bagi sesuatu petak atau unit syer sementara dalam hal suatu petak sementara sebagaimana yang dinyatakan dalam hakmilik strata atau dalam hakmilik strata sementara, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah menentukan—

(a) hak mengundi bagi pemilik; dan

(b) (*Dipotong oleh Akta A1450*)

(c) kadarnya yang kena dibayar oleh setiap pemilik akan sumbangan yang dilevikan oleh perbadanan pengurusan menurut Akta Pengurusan Strata 2013.

Sekatan ke atas hak mengundi

37. Jika seseorang pemilik atas apa-apa sebab, tidak berupaya mengawal hartanya, kuasa mengundi yang diberikan kepadanya oleh Akta Pengurusan Strata 2013 hendaklah dijalankan oleh orang yang pada masa itu diberi kuasa oleh undang-undang untuk mengawal harta itu.

Kuasa mahkamah kiranya tidak ada orang yang boleh mengundi berkenaan dengan sesuatu petak

38. Jika mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten, atas permohonan perbadanan pengurusan atau seorang pemilik, berpuas hati bahawa tidak ada orang yang boleh mengundi berkenaan dengan sesuatu petak, mahkamah itu—

(a) hendaklah, dalam hal di mana ketetapan sebulat suara dikehendaki; dan

(b) boleh, dalam mana-mana hal lain,

melantik seorang Pemegang Amanah Raya atau mana-mana orang lain yang sesuai dan layak untuk menjalankan apa-apa kuasa mengundi yang berhubungkait dengan petak itu menurut Akta Pengurusan Strata 2013, sebagaimana yang ditentukan oleh mahkamah.

BAHAGIAN VII

PENGURUSAN BANGUNAN YANG DIPECAH BAHAGI

39—55A. (*Dipotong oleh Akta A1450*).

BAHAGIAN VIII

PENAMATAN PECAH BAHAGIAN BAGI BANGUNAN ATAU TANAH YANG DIPECAH BAHAGI

Kuasa mahkamah apabila bangunan atau tanah yang dipecah bahagi rosak

56. (1) Apabila bangunan atau tanah yang dipecah bahagi itu rosak tetapi tidak termusnah sama sekali, mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten boleh, atas permohonan perbadanan pengurusan, pemilik petak, atau pemegang gadaian berdaftar bagi mana-mana petak, melalui perintah, menyelesaikan sesuatu skim dengan memulihkan semula atau meneruskan penggunaan bangunan itu secara keseluruhan atau sebahagiannya atau mana-mana skim seperti itu boleh memasukkan peruntukan berkenaan dengan pemindahmilikan kepentingan pemilik petak yang telah termusnah keseluruhan atau sebahagiannya itu kepada pemilik petak yang lain berkadaran dengan unit syer mereka itu.

(2) Dalam menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1), mahkamah boleh membuat apa-apa perintah sebagaimana yang disifatkannya perlu atau bermanfaat untuk menguatkuasakan skim itu, termasuk perintah—

- (a) mengarahkan penggunaan wang insurans yang diterima oleh perbadanan pengurusan berkenaan dengan kerosakan kepada bangunan;
- (b) mengarahkan pembayaran wang oleh perbadanan pengurusan atau oleh pemilik petak atau beberapa atau salah seorang atau lebih daripada mereka itu;
- (c) mengarahkan dibuat apa-apa pindaan atau penggantian akan pelan strata yang diperakui dan apa-apa pindaan berbangkit atau penggantian daftar strata sebagaimana yang difikirkan patut oleh mahkamah itu; dan
- (d) mengenakan apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh mahkamah itu.

(3) Jika suatu permohonan dibuat di bawah subseksyen (1), manamana penanggung insurans yang telah mengambil insurans yang dimaksudkan dengan permohonan itu hendaklah mempunyai hak untuk hadir pada masa pembicaraan permohonan itu.

Penamatan pecah bahagian

57. (1) Perbadanan pengurusan, sekiranya—

- (a) bangunan itu musnah sama sekali; atau
- (b) pemilik petak minta supaya bangunan itu dirobohkan atau, dalam hal suatu bangunan yang telah termusnah sebahagiannya, bahagian bangunan yang tertinggal itu pula dirobohkan; atau
- (c) hanya terdapat seorang sahaja pemilik bagi kesemua petak itu,

selepas memastikan bahawa tiada hasil tanah yang tertunggak boleh diarahkan melalui ketetapan sebulat suara supaya mengambil tindakan untuk menamatkan pecah bahagian bangunan atau tanah itu, dan, tertakluk kepada apa-apa perintah mahkamah yang mempunyai bidang

kuasa kompeten yang dibuat di bawah subseksyen (7), perbadanan pengurusan itu hendaklah jika diarahkan sedemikian menyerahkan simpan dengan Pendaftar suatu pemberitahuan dalam Borang 8 bersama-sama dengan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu dan juga petak dan bagi blok sementara, jika ada.

(2) Sebaik sahaja menerima pemberitahuan di bawah subseksyen (1), dan sekiranya Pendaftar berpuas hati, dia hendaklah membuat suatu memorial tentang pemberitahuan itu dalam daftar dan juga daftar strata, dan hendaklah memberitahu Pengarah Ukur yang dia telah berbuat sedemikian.

(3) Setelah dibuat memorial di bawah subseksyen (2) berkenaan dengan suatu bangunan atau tanah yang dipecah bahagi—

(a) pecah bahagian itu hendaklah ditamatkan dan pemilik tidaklah lagi menjadi pemilik petak itu dan blok sementara; dan

(b) perbadanan pengurusan hendaklah menjadi pemilik lot itu sebagai pemegang amanah kepada bekas pemilik.

(4) Jika perbadanan pengurusan menjadi pemilik lot itu di bawah subseksyen (3)—

(a) apa-apa gadaian berdaftar atas petak yang wujud sebelum sahaja tamatnya pecah bahagian itu hendaklah ditukarkan menjadi obligasi sendiri penggadai untuk membayar kepada pemegang gadaian apa jua yang terhutang di bawah gadaian itu;

(b) setiap bekas pemilik itu hendaklah terus menjadi ahli perbadanan pengurusan, dengan mempunyai hak mengundi yang sama seperti yang dipunyainya sebelum sahaja tamatnya pecah bahagian itu;

(c) perbadanan pengurusan itu hendaklah memegang dan menguruskan lot itu bagi faedah bekas pemilik;

(d) bekas pemilik itu boleh melalui ketetapan sebulat suara mengarahkan perbadanan pengurusan—

(i) memindahkan lot itu kepada seorang atau beberapa orang daripada bekas pemilik itu atau kepada mana-mana orang atau badan lain; dan

(ii) menentukan tempoh masa yang munasabah bagi perbadanan pengurusan terus wujud bagi menyelesaikan hal ehwalnya; dan

(e) perbadanan pengurusan itu hendaklah membahagikan apa-apa keuntungan yang terbit daripada ketuanpunyaannya ke atas lot itu, termasuk apa-apa wang belian yang diterima atas suatu pindahmilikan, kepada bekas pemilik secara berkadaran dengan nilai modal pasaran terbuka petak-petak itu sebaik sahaja sebelum penamatan pecah bahagian yang ditentukan dalam laporan penilaian yang disediakan dan diperakui oleh seorang penilai berdaftar di bawah Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981 [*Akta 242*].

(5) Walaupun tamatnya pecah bahagian di bawah seksyen ini, buku daftar strata yang berkaitan hendaklah terus wujud manakala perbadanan pengurusan terus menjadi pemilik lot itu dan boleh digunakan sebagai keterangan sebagai rekod mengenai perkara yang berhubungan dengan pecah bahagian sebelum ianya ditamatkan.

(6) Jika perbadanan pengurusan, yang telah menjadi tuan punya lot di bawah subseksyen (3), memindahkan lot itu menurut suatu arahan di bawah perenggan (4)(d)—

(a) perbadanan pengurusan itu hendaklah terus wujud untuk seberapa lama yang ia semunasabahnya perlu untuk menyelesaikan hal ehwalnya dan kemudiannya hendaklah terhenti dari wujud;

(aa) memberitahu Pendaftar suatu tarikh perbadanan pengurusan itu hendaklah terhenti kewujudannya; dan

(b) Pendaftar hendaklah membatalkan buku daftar strata yang berkaitan itu.

(7) Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten, jika ia berpuas hati bahawa keadilan kes itu berkehendakkan sedemikian—

(a) boleh, atas permohonan perbadanan pengurusan, pemilik petak atau pemegang gadaian berdaftar sesuatu petak, membuat perintah—

(i) mengarahkan perbadanan pengurusan itu supaya mengambil tindakan di bawah subseksyen (1) walaupun tidak adanya ketetapan sebulat suara; atau

(ii) melarang perbadanan pengurusan itu daripada mengambil tindakan di bawah subseksyen itu walaupun suatu arahan telah diberi melalui ketetapan sebulat suara; dan

(b) jika perbadanan pengurusan telah memindahkan lot itu menurut suatu arahan di bawah perenggan (4)(d) boleh, atas permohonan perbadanan pengurusan, bekas pemilik atau bekas pemegang gadaian, membuat perintah untuk menggulungkan hal ehwal perbadanan pengurusan itu.

(8) Dalam seksyen ini—

“bekas pemegang gadaian” ertinya seseorang atau suatu badan yang, sebelum sahaja pecah bahagian sesuatu bangunan atau tanah yang dipecah bahagi ditamatkan di bawah seksyen ini, menjadi pemegang gadaian berdaftar petak dalam bangunan atau tanah itu;

“bekas pemilik” ertinya seseorang atau suatu badan yang, sebelum sahaja pecah bahagian sesuatu bangunan atau tanah yang dipecah bahagi ditamatkan di bawah seksyen ini, menjadi pemilik petak dalam bangunan atau tanah itu atau blok sementara di atas tanah di mana bangunan itu terletak.

BAHAGIAN VIII A

KESAN PENGAMBILAN BANGUNAN ATAU TANAH
YANG DIPECAH BAHAGI

Tatacara mengambil milik formal mana-mana bangunan atau tanah yang dipecah bahagi

57A. (1) Apabila mengambil milik secara formal keseluruhan atau sebahagian bangunan atau tanah yang dipecah bahagi di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 [*Akta 486*], Jadual Ketujuh hendaklah terpakai setakat yang berkaitan dengan tatacara bagi ubah suaian daftar strata yang berkaitan, hal ehwal perbadanan pengurusan dan maksud-maksud lain yang berkaitan dengannya.

(2) Lain-lain peruntukan Akta ini yang berkaitan dengan bentuk dokumen hakmilik strata, tatacara bagi penyediaan dan pendaftaran apa-apa dokumen hakmilik strata, hendaklah dibaca dengan ubah suaian, pindaan, penambahan, pemotongan, penggantian atau penyesuaian sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual Ketujuh.

(3) Menteri boleh, dengan kelulusan Majlis Tanah Negara, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membuat apa-apa pindaan kepada Jadual Ketujuh.

BAHAGIAN IX

58—67. (*Dipotong oleh Akta A1290*).

BAHAGIAN IX A

LEMBAGA HAKMILIK STRATA

67A—67x. (*Dipotong oleh Akta A1450*).

BAHAGIAN X

PELBAGAI

68. *(Dipotong oleh Akta A753).*

Petak aksesori tidak boleh diurus niaga mengenai suatu petak

69. Tiada satu pun petak aksesori atau apa-apa syer atau kepentingan di dalamnya boleh diurusniagakan secara bebas dari petak yang mana petak aksesori itu adalah berhubung kait sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan strata yang diluluskan.

Blok sementara tidak boleh diurusniagakan

70. (1) Tiada satu pun blok sementara atau apa-apa syer atau kepentingan di dalamnya boleh diurusniagakan.

(2) Jika apa-apa urusniaga mengenai blok sementara telah didaftarkan, pendaftaran itu tidaklah memindahkan apa-apa hakmilik atau kepentingan dalam blok sementara tersebut, dan Pendaftar hendaklah, apabila dapat ketahui tentang pendaftaran itu, membatalkan pendaftaran tersebut dan tiada seorang pun atau satu badan pun yang terlibat dengan pembatalan itu adalah berhak mendapat apa-apa jua pampasan.

71. *(Dipotong oleh Akta A753).*

72. *(Dipotong oleh Akta A753).*

Hak dan remedi lain tidak terjejas oleh Akta ini

73. Tiada apa jua dalam Akta ini boleh menjejaskan apa-apa hak atau remedi lain yang mungkin ada pada pemilik atau pemegang gadaian petak atau perbadanan pengurusan, berhubung dengan mana-mana

petak atau harta bersama, yang diberi oleh mana-mana undang-undang bertulis lain.

Bidang kuasa Mahkamah Majistret

74. Apa-apa jua kesalahan di bawah Akta ini boleh dibicarakan oleh Mahkamah Majistret dan Mahkamah Majistret itu hendaklah, walau apa pun peruntukan dalam Akta Mahkamah Rendah [Akta 92] atau mana-mana undang-undang bertulis lain, mempunyai kuasa untuk mengenakan penalti yang maksimum yang diperuntukkan oleh Akta ini.

Prosiding undang-undang

75. (1) Tiap-tiap permohonan kepada mahkamah di bawah Akta ini hendaklah dibuat melalui saman dalam Kamar.

(2) Jika terdapat peruntukan bagi mendapatkan kembali apa-apa jumlah wang oleh mana-mana orang atau mana-mana pihak berkuasa daripada mana-mana orang atau pihak berkuasa lain, jumlah wang itu hendaklah didapatkan kembali melalui suatu tindakan menuntut hutang dalam mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten.

76—78. (*Dipotong oleh Akta A1450*).

Akta Had Masa 1953 tidak meliputi harta bersama

79. Tiada apa jua tindakan boleh dibawa oleh mana-mana orang yang menuntut hakmilik melalui pemilikan bertentangan terhadap harta bersama sesuatu lot atau terhadap mana-mana petak aksesori atau mana-mana bahagiannya yang diwujudkan di bawah Akta ini, dan peruntukan Akta Had Masa 1953 [Akta 254] berhubungan dengan pemilikan bertentangan tidaklah meliputi harta bersama dan petak aksesori itu.

Kuasa kemasukan oleh pihak berkuasa awam atau tempatan

80. Pihak berkuasa awam atau tempatan yang diberi kuasa oleh mana-mana undang-undang bertulis yang lain untuk masuk ke dalam mana-mana bahagian lot itu bagi maksud menjalankan apa-apa kuasa yang diberi kepadanya, boleh masuk ke dalam mana-mana bahagian lain dalam lot itu jika didapati perlu berbuat demikian untuk menjalankan kuasa itu.

Pendakwaan

80A. Tiada pendakwaan boleh dimulakan mengenai sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawah Akta ini tanpa keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk membuat kaedah-kaedah

81. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, membuat kaedah-kaedah yang tidak berlawanan dengan Akta ini, dan khususnya tetapi tanpa mengehadkan keluasan kuasa berkenaan dengan semua atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) fi yang hendak dibayar bagi apa-apa tatacara atau fungsi yang dikehendaki atau dibenarkan dibuat di bawah Akta ini dan peremitan fi itu;
- (aa) pengiraan kadar cukai kena dibayar berhubung dengan mana-mana petak atau blok sementara;
- (ab) kutipan, pengurangan, perebatan, pembayaran secara ansuran, penangguhan pembayaran cukai, atau apa-apa perkara bersampingan yang berhubung dengan cukai bagi petak atau blok sementara dan pelucuthakan;
- (b) jenis bangunan, atau hal keadaan yang bangunan itu, hendak dikelaskan sebagai bangunan kos rendah;

- (c) jenis bangunan, hal keadaan yang bangunan itu, atau apa-apa faktor lain yang berhubungan dengan bangunan, untuk dikelaskan sebagai bangunan khas;
- (d) formula bagi unit syer yang dicadangkan; dan
- (e) apa-apa perkara yang menurut Akta ini dikehendaki atau dibenarkan ditetapkan atau adalah perlu atau sesuai untuk ditetapkan bagi menjalankan atau menguatkuasakan mana-mana peruntukan Akta ini.

(2) Kaedah-kaedah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh membuat peruntukan berkenaan dengan perkara yang berbeza dalam pemakaiannya mengikut apa-apa faktor sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah itu.

(3) Kaedah-kaedah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh menetapkan suatu penalti bagi apa-apa pemungkiran atau pelanggaran iaitu suatu denda yang tidak melebihi satu ribu ringgit.

Peruntukan peralihan

82. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, bagi maksud memakai peruntukan Akta ini bagi bangunan yang dipecah bahagi, hakmilik subsidiari, petak, harta bersama, perbadanan pengurusan dan majlis yang telah wujud sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, dengan atau tanpa ubah suaian, tambahan atau kekecualian kepada atau berkenaan dengan mana-mana bangunan yang dipecah bahagi, hakmilik subsidiari, petak, harta bersama, perbadanan pengurusan atau majlis tersebut dan bagi maksud yang bersampingan dengannya, membuat kaedah-kaedah mengadakan peruntukan mengenai ubah suaian, tambahan atau kekecualian itu dan apa-apa peruntukan peralihan, berbangkit atau kekecualian sebagaimana yang difikirkan perlu atau bermanfaat oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Sehingga kaedah-kaedah dibuat di bawah subseksyen (1), tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini boleh dipakai bagi mana-mana pecah bahagian sesuatu bangunan yang dilaksanakan, atau bagi mana-mana petak, harta bersama, perbadanan pengurusan atau majlis

yang wujud, sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, peruntukan Kanun Tanah Negara hendaklah terus dipakai mengenainya dengan cara yang sama seperti sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini.

(3) Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Jadual Keempat boleh menyentuh peruntukan Kanun Tanah Negara dalam pemakaiannya kepada mana-mana pecah bahagian sesuatu bangunan yang dilaksanakan, atau kepada mana-mana hakmilik subsidiari yang dikeluarkan, atau kepada mana-mana petak, harta bersama, perbadanan pengurusan atau majlis yang wujud, sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini.

Pemansuhan dan pemindaan peruntukan Kanun Tanah Negara

83. (1) Peruntukan Kanun Tanah Negara sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Keempat dimansuhkan.

(2) Peruntukan Kanun Tanah Negara sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang pertama Bahagian II Jadual Keempat dipinda mengikut cara yang ditetapkan dalam ruang kedua.

Pindaan Borang

84. Menteri boleh, dengan kelulusan Majlis Tanah Negara, melalui perintah yang diberitahu dalam *Warta* Persekutuan, meminda atau menggantikan mana-mana daripada Borang-Borang dalam Jadual Pertama.

Peruntukan peralihan berkenaan dengan kaedah-kaedah, perintah-perintah, dsb.

85. Apa-apa kaedah, perintah, peraturan, arahan, notis atau pemberitahuan yang dibuat, diberi atau dikeluarkan sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini di bawah peruntukan Kanun Tanah Negara yang dimansuhkan oleh subseksyen 83(1) hendaklah, jika ia boleh dibuat, diberi atau dikeluarkan di bawah mana-mana peruntukan bersamaan Akta ini, terus berkuat kuasa, dan mempunyai kuat kuasa

yang serupa seolah-olah ia telah dibuat, diberi atau, mengikut mana yang berkenaan, dikeluarkan sedemikian.

JADUAL PERTAMA

BORANG

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 1

[Seksyen 9]

PERMOHONAN BAGI PECAH BAHAGI BANGUNAN ATAU BANGUNAN
DAN TANAH ATAU TANAH

Kepada Pentadbir Tanah, Daerah

Saya,

beralamat

pemilik tanah yang berikut:

*Bandar/Pekan/Mukim :
No. Lot :
Perihal dan No. Hakmilik :
Luas :

dengan ini memohon kelulusan bagi pecah bahagi—

- (a) *bangunan;
- (b) *bangunan dan tanah;
- (c) *tanah,

*berserta dengan pengeluaran hakmilik strata sementara bagi blok/blok-blok sementara.

2. Pecah bahagi yang dicadangkan itu adalah kepada—

- (a) petak (jika ada);
- (b) petak tanah (jika ada);

- (c) petak aksesori (jika ada);
- (d) blok/blok-blok sementara (jika ada),

sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual yang dilampirkan.

3. Bangunan/bangunan-bangunan yang didirikan di atasnya, termasuk mana-mana blok sementara, digunakan bagi maksud yang berikut:

.....

4. Sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 9 Akta Hakmilik Strata 1985, kini saya kemukakan—

- (a) fi yang ditetapkan sebanyak RM
- (b) fi sebanyak RM sebagaimana yang diberitahu oleh Pengarah Ukur;
- (c) sijil cadangan pelan strata di bawah seksyen 8A;
- (d) perakuan klasifikasi bangunan sebagai bangunan kos rendah (jika ada);
- (e) surat keizinan daripada setiap orang yang berikut yang keizinan mereka secara bertulis dikehendaki atas sebab tertentu sebagaimana yang dinyatakan dalam setiap surat tersebut:
 - (1)
 - (2)
 - (3)
- (f) nama perbadanan pengurusan yang dicadangkan di bawah seksyen 15;
- (g) dokumen hakmilik keluaran bagi lot tersebut;
- (h) salinan yang diperakui sah perakuan siap dan pematuhan atau sijil layak menduduki, mengikut mana-mana yang berkenaan, kecuali dalam hal di bawah perenggan 8(2)(a); dan
- (i) salinan yang diperakui sah jadual petak atau jadual petak yang dipinda, mengikut mana-mana yang berkenaan, kecuali dalam hal di bawah perenggan 8(2)(b) dan (d), jika berkenaan.

*5. Saya mengaku janji bahawa pembinaan setiap bangunan yang baginya suatu blok sementara berkaitan akan disiapkan pada tarikh yang berikut:

Blok Sementara	Tarikh	Blok Sementara (petak tanah)	Tarikh
P1	PL1
P2	PL2
dsb.		dsb.	

Bertarikh pada hari bulan 20

.....
Tandatangan Pemilik Asal

Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja

A. Kepada Pengarah Tanah dan Galian.

- (1) Dokumen hakmilik keluaran disertakan.
- (2) Cukai bagi tahun semasa dibayar.

Pentadbir Tanah:

B. Kepada Pengarah Ukur.

Permohonan diluluskan.

Pengarah Tanah dan Galian:

(Hendaklah dilampirkan dalam seberapa banyak helaian yang perlu)

JADUAL PETAK DAN BLOK SEMENTARA (JIKA ADA)

	Bangunan/ Blok sementara/ Petak tanah	Senarai tingkat	Senarai petak/ Petak tanah	Unit syer bagi setiap petak/ Blok sementara
	(1)	(2)	(3)	(4)
	BANGUNAN/ BANGUNAN- BANGUNAN:			

Gunakan M1, M2, dsb. untuk menandakan bangunan siap.	M1	No. Tingkat	Petak
			Petak
			Petak
		No. Tingkat	Petak
			Petak
			Petak
	M2	No. Tingkat	Petak
			Petak
			Petak
		No. Tingkat	Petak
			Petak
			Petak
	dsb.			
	BLOK/ BLOK- BLOK SEMENTARA			
Gunakan P1, P2, dsb. untuk menandakan blok sementara.	P1	—	—
	P2	—	—
	dsb.			
	PETAK TANAH L1-L	—	L1
Gunakan L1, L2, dsb. untuk menandakan petak tanah.	[<i>Nyatakan petak tanah pertama dan terakhir</i>]		L2
	BLOK/BLOK- BLOK SEMENTARA (PETAK TANAH)	—	—
	PL1	—	—
Gunakan PL1, PL2, dsb.	PL2			

untuk menandakan blok sementara (petak tanah).	dsb.		Jumlah
--	------	--	--------	-------

SENARAI PETAK AKSESORI

+Petak Aksesori	++Lokasi Petak Aksesori	Petak atau Blok Sementara yang Petak Aksesori itu Bersangkutan	Tujuan

- * Potong mana-mana yang tidak berkenaan
- + Bagi maksud mengenal pasti petak aksesori, tambah huruf A kepada nombor petak aksesori
- ++ Jika petak aksesori ditempatkan dalam suatu bangunan, tunjukkan lokasi itu dengan membuat rujukan kepada nombor bangunan dan nombor tingkatnya

NOTA HURAIAN

Keizinan secara bertulis dikehendaki daripada tiap-tiap orang atau badan yang berhak mendapat faedah daripada suatu pajakan keseluruhan atau mana-mana bahagian tanah selain bahagian yang betul-betul menepati, atau termasuk keseluruhannya dalam, salah satu daripada petak yang dicadangkan.

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 1A

(Dipotong oleh P.U. (A) 105/2015).

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 2

[Seksyen 15]

INDEKS DAFTAR STRATA

Negeri	:
Daerah	:
*Bandar/Pekan/Mukim	:
No. Hakmilik	:
No. Lot	:
Luas	:
No. Rujukan Fail	:
Nama Perbadanan Pengurusan	:
Alamat Perbadanan Pengurusan	:
Alamat bagi Penyampaian Dokumen	:
No. Buku Daftar Strata	:

RINGKASAN KANDUNGAN

<i>Bangunan/ Blok sementara/ Petak tanah</i>	<i>Kegunaan</i>	<i>Bilangan petak</i>	<i>Unit syer/ Unit syer sementara</i>
Bangunan/ Bangunan-bangunan M1 M2
Blok/ Blok-blok sementara P1 P2	— —
Petak Tanah L1 – L

Blok/ Blok-blok sementara (Petak Tanah)			
PL1	—
PL2	—
Jumlah	

Jumlah keseluruhan folio dalam pelan strata yang diperakui

INDEKS SECARA TERPERINCI

<i>No. muka surat bagi hakmilik petak/ Blok sementara/ Petak tanah</i>	<i>Bangunan/ Blok sementara/ Petak tanah</i>	<i>Senarai tingkat dan pelan folio</i>	<i>Senarai petak/ Petak tanah</i>	<i>Luas petak/ Petak tanah</i>	<i>Unit syer bagi setiap petak/ Blok sementara/ Petak tanah</i>	<i>Cukai bagi setiap petak/ Blok sementara/ Petak tanah (RM)</i>	<i>Catatan</i>
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)
	BANGUNAN/ BANGUNAN- BANGUNAN: [Gunakan M1, M2, dsb., untuk menandakan bangunan siap]						
	M1	No. Tingkat (No. Pelan Folio	Petak Petak Petak Jumlah kecil Jumlah kecil	
	M2	No. Tingkat (No. Pelan Folio	Petak Petak Petak Jumlah kecil Jumlah kecil	
	<i>dsb.</i> BLOK/ BLOK- BLOK SEMENTARA: [Gunakan P1, P2, dsb., untuk menandakan						

<i>blok-blok sementara]</i>	(No. Pelan Folio	—		
	P1					
P2	(No. Pelan Folio	—		
dsb.				Jumlah kecil	Jumlah kecil	
				
PETAK TANAH: [Gunakan L1, L2, dsb., untuk menandakan petak tanah. Nyatakan petak tanah pertama dan terakhir]						
L1-L	(No. Pelan Folio	L1	
		L2	
				Jumlah kecil	Jumlah kecil	
				
BLOK/ BLOK-BLOK SEMENTARA (PETAK TANAH: [Gunakan PL1, PL2, dsb. untuk menandakan blok/blok-blok sementara (petak tanah)]						
PL1	(No. Pelan Folio	—		
PL2	(No. Pelan Folio	—		
dsb.				Jumlah kecil	Jumlah kecil	
				
Jumlah Besar					
				

(Sambungan helaian boleh ditambah sebagaimana perlu)

SENARAI PETAK AKSESORI

+Petak Aksesori	++Lokasi Petak Aksesori	Petak atau Blok Sementara yang Petak Aksesori itu Bersangkutan	Tujuan

- * Potong mana-mana yang tidak berkenaan
- + Bagi maksud mengenal pasti petak aksesori, tambah huruf A kepada nombor petak aksesori
- ++ Jika petak aksesori ditempatkan dalam suatu bangunan, tunjukkan lokasi itu dengan membuat rujukan kepada nombor bangunan dan nombor tingkatnya

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 3

[Seksyen 15]

PENYATA DAFTAR STRATA

BUKU BAGI HAKMILIK NO.....

Jadual terlampir mengandungi semua memorial, endorsan dan lain-lain catatan, yang terdapat pada hari ini dalam daftar dokumen hakmilik yang tersebut di atas, yang berhubungan dengan perkara yang boleh melibatkan mana-mana petak *atau mana-mana blok sementara dari hari ini yang dipegang di bawah hakmilik strata *atau hakmilik strata sementara yang merupakan subsidiari kepadanya, yang bukannya perkara yang boleh melibatkan hanya satu daripada petak ini *atau hanya satu daripada blok sementara ini.

Bertarikh padaharibulan.....20.....

.....
Pendaftar

JADUAL

*Potong sebagaimana yang sesuai.

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 4

[Seksyen 16]

HAKMILIK STRATA

NO. HAKMILIK	NO. BANGUNAN	NO. TINGKAT	NO. PETAK

Cukai :

*Pegangan untuk selama-lamanya/Pajakan untuk tempoh.....
yang berakhir pada.....

Negeri :

Daerah :

*Bandar/Pekan/Mukim :

No. Lot :

Petak Aksesori :

Unit Syer Petak :

No. Pelan Strata yang Diperakui :

No. Buku Daftar Strata :

Petak *dan petak aksesori yang tersebut di atas yang terletak di atas tanah adalah dipegang bagi tempoh hakmilik itu sepenuhnya oleh pemilik yang pada masa itu dinamakan dalam rekod ketuanpunyaan di dalamnya, tertakluk kepada peruntukan Akta Hakmilik Strata 1985, kepada peruntukan kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya dan lebih khusus lagi kepada memorial, pengendorsan dan catatan lain. Apa-apa urusan niaga mengenai hakmilik strata ini adalah tertakluk kepada sekatan dan syarat sebagaimana dalam hakmilik tanah.

Menurut kuasa hakmilik ini, pemilik tersebut juga menikmati hak mengundi dalam perbadanan pengurusan yang berkadaran dengan unit syer bagi petak ini sebagaimana yang dinyatakan, berhubung dengan keseluruhan jumlah unit syer.

Bertarikh pada hari bulan 20

T.M.

Pendaftar

REKOD PERBADANAN PENGURUSAN
REKOD KETUANPUNYAAN
REKOD URUSAN
PERKARA LAIN YANG MELIBATKAN HAKMILIK

T.M.
Pendaftar

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 4A

[Seksyen 16]

HAKMILIK STRATA SEMENTARA
URUSNIAGA YAG DILARANG

NO. HAKMILIK	NO. BLOK SEMENTARA
--------------	--------------------

Cukai :

*Pegangan untuk selama-lamanya/Pajakan untuk tempoh.....
yang berakhir pada.....

Negeri :

Daerah :

*Bandar/Pekan/Mukim :

No. Lot :

Petak Aksesori :

Unit Syer Sementara :

No. Pelan Strata yang Diperakui :

No. Buku Daftar Strata :

Blok sementara yang tersebut di atas adalah dipegang bagi tempoh hakmilik itu sepenuhnya oleh pemilik yang pada masa itu dinamakan dalam rekod ketuanpunyaan di dalamnya, tertakluk kepada peruntukan Akta Hakmilik Strata 1985, kepada peruntukan kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya dan terutama sekali kepada memorial, pengendorsan dan catatan lain.

Menurut kuasa hakmilik ini, pemilik tersebut juga menikmati hak mengundi dalam perbadanan pengurusan yang berkadaran dengan unit syer sementara bagi blok sementara ini sebagaimana yang dinyatakan, berhubung dengan keseluruhan jumlah unit syer.

Urus niaga berkenaan dengan hakmilik strata sementara ini atau apa-apa syer atau kepentingan di dalamnya adalah dilarang.

Bertarikh pada hari bulan 20.....

T.M.
Pendaftar

REKOD PERBADANAN PENGURUSAN

REKOD KETUANPUNYAAN

PERKARA LAIN YANG MELIBATKAN HAKMILIK

T.M.
Pendaftar

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 5

[Seksyen 20B]

PERMOHONAN UNTUK PENGELUARAN HAKMILIK STRATA YANG BERASINGAN BERKENAAN DENGAN HAKMILIK STRATA SEMENTARA

Kepada Pentadbir Tanah, Daerah.....

Saya,.....
beralamat.....
pemilik hakmilik strata sementara.....
di atas tanah yang dijadualkan di bawah ini, dengan ini memohon mendapatkan hakmilik strata keluaran yang berasingan bagi petak dan petak aksesori, jika berkenaan sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual yang dilampirkan.

2. Sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 20B Akta Hakmilik Strata 1985, kini saya kemukakan—

- (a) fi yang ditetapkan sebanyak RM.....;
- (b) fi sebanyak RM..... sebagaimana yang diberitahu oleh Pengarah Ukur;
- (c) sijil cadangan pelan strata di bawah seksyen 20A;
- (d) dokumen hakmilik keluaran bagi hakmilik strata sementara;
- (e) salinan yang diperakui sah perakuan siap dan pematuhan atau sijil layak menduduki, mengikut mana-mana yang berkenaan, kecuali dalam hal di bawah perenggan 20(2)(a); dan
- (f) salinan yang diperakui sah jadual petak atau jadual petak yang dipinda, mengikut mana-mana yang berkenaan, kecuali dalam hal di bawah perenggan 20(2)(b) and (d).

Bertarikh pada hari bulan 20.....

.....
Tandatangan Pemilik

JADUAL

Daerah

*Bandar/Pekan/Mukim No Lot.....

Perihal dan No. Hakmilik

Untuk Kegunaan Rasmi Sahaja

A. Kepada Pengarah Tanah dan Galian.

Dokumen hakmilik keluaran bagi hakmilik strata sementara disertakan.

Pentadbir Tanah:.....

B. Kepada Pengarah Ukur.

Permohonan diluluskan.

Pengarah Tanah dan Galian:.....

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 6

[Seksyen 28]

PERMOHONAN UNTUK MEMECAH PETAK

Kepada Pentadbir tanah, Daerah

Saya,.....
beralamat.....
pemilik petak.....
dalam bangunan yang dipecah bahagi yang terdiri di atas tanah yang dijudualkan di
bawah ini, dengan ini memohon memecah bahagi petak tersebut
kepada.....

petak baru sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan yang dilampirkan tentang pecahan yang dicadangkan.

2. Sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 28 Akta Hakmilik Strata 1985, kini saya kemukakan—

- (a) fi yang ditetapkan sebanyak RM
- (b) pelan pecahan yang dicadangkan bagi petak yang dinyatakan di atas, yang diperakui dengan sempurnanya oleh juruukur tanah, bersama-sama dengan salinannya;
- (c) pernyataan tentang bilangan unit syer bagi petak baru;
- (d) surat keizinan daripada setiap orang yang berikut yang keizinan mereka secara bertulis dikehendaki atas sebab tertentu sebagaimana yang dinyatakan dalam setiap surat tersebut:
 - (1)
 - (2)
 - (3)
- (e) surat keizinan daripada perbadanan pengurusan dan kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan mengenai pembuatan permohonan ini; dan
- (f) dokumen hakmilik keluaran bagi petak atau petak-petak yang terlibat.

3. Saya dengan ini mengesahkan bahawa sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan yang dilampirkan, terdapatnya laluan yang memadai bagi jalan masuk ke setiap petak baru, dengan tidak melintasi petak lain.

Bertarikh pada hari bulan 20.....

.....
Tandatangan Pemilik

JADUAL

Daerah

*Bandar/Pekan/Mukim No Lot.....

Perihal dan No. Hakmilik... ..

Untuk Kegunaan Rasmi Sahaja

A. Kepada Pengarah Tanah dan Galian.

Dokumen hakmilik keluaran bagi petak yang terlibat disertakan.

Pentadbir Tanah:.....

B. Kepada Pengarah Ukur.

Pecahan petak seperti di atas diluluskan.

Pengarah Tanah dan Galian:.....

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 7

[Seksyen 28]

PERMOHONAN BAGI MENYATUKAN PETAK

Kepada Pentadbir Tanah, Daerah.....

Saya.....

beralamat.....

pemilik petak.....

(Masukkan di sini perihal dan No. hakmilik)

.....

 dalam bangunan yang dipecah bahagi atas tanah yang dijadualkan di bawah ini, dengan ini memohon mendapatkan kelulusan menyatukan petak-petak itu menjadi satu petak tunggal sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan terlampir tentang penyatuan yang dicadangkan.

2. Sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 28 Akta Hakmilik Strata 1985, maka sekarang saya kemukakan—

(a) fi yang ditetapkan sebanyak RM.....;

(b) pelan penyatuan yang dicadangkan bagi petak yang dinyatakan di atas, yang diperakui dengan sepenuhnya oleh juruukur tanah, bersama dengan.....salinannya;

(c) penyata yang menunjukkan bilangan unit syer bagi petak baru;

|| (d) surat keizinan daripada setiap orang yang berikut yang mana keizinan mereka secara bertulis adalah dikehendaki bagi sebab tertentu seperti yang dinyatakan dalam setiap surat tersebut:

(1)

(2)

(3)

*(e) surat keizinan daripada perbadanan pengurusan mengenai pembuatan permohonan ini.

3. Saya dengan ini memperakukan bahawa, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan terlampir, terdapatnya cara perhubungan dalaman yang mencukupi dalam petak yang baru, dengan tidak payah melalui harta bersama.

Bertarikh pada.....haribulan.....20.....

.....

Tandatangan Pemilik

JADUAL

Daerah

*Bandar/Pekan/Mukim Lot No

Perihal dan No. hakmilik tanah

Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja

A. Kepada Pengarah

Dokumen hakmilik keluaran bagi petak yang terlibat disertakan.

Pentadbir Tanah.....

B. Kepada Pengarah Ukur.

Penyatuan petak seperti di atas diluluskan.

Pengarah.....

*Potong sebagaimana yang sesuai.

|| HURAIAN— Keizinan secara bertulis adalah dikehendaki daripada tiap-tiap orang atau badan yang berhak mendapat faedah dari—

- (i) pajakan keseluruhan atau mana-mana bahagian tanah itu;
- (ii) gadaian tanah, atau pajakan sebagaimana yang dinyatakan dalam butiran (i);
- (iii) lien atas tanah, atau atas pajakan sebagaimana yang dinyatakan dalam butiran (i).

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 7A

(Dipotong oleh P.U. (A) 105/2015).

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 7B

(Dipotong oleh P.U. (A) 105/2015).

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 8

[Seksyen 57]

PEMBERITAHUAN CADANGAN MENAMATKAN PECAH BAHAGIAN
BANGUNAN YANG DIPECAH BAHAGI

Kepada Pendaftar, Negeri.....

Ambil perhatian bahawa.....

.....
sebagai perbadanan pengurusan bagi bangunan yang dipecah bahagi yang terdiri di atas tanah yang berikut:

*Bandar/Pekan/Mukim Lot No

Perihal dan Hakmilik No.....Luas

telah diarahkan melalui ketetapan sebulat suara untuk mengambil tindakan menamatkan pecah bahagian itu.

2. Sebagaimana yang dikehendaki oleh subseksyen 57(1) Akta Hakmilik Strata 1985, pemberitahuan ini disertakan dengan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah yang tersebut di atas dan petak yang terkandung dalam bangunan yang dipecah bahagi */dan bagi blok sementara.

Meterai perbadanan bagi perbadanan pengurusan diturunkan di bawah ini pada.....haribulan.....20.....

T.M.

.....

.....

Ahli-Ahli Majlis

*Potong sebagaimana yang sesuai.

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 9

[Seksyen 17 dan 17A]

PERMOHONAN PERAKUAN PERBADANAN PENGURUSAN/
PERBADANAN PENGURUSAN SUBSIDIARI

Kepada*Pendaftar/Pengarah Tanah dan Galian.....

*Saya/Kami yang bertandatangan di bawah, sebagai anggota jawatankuasa pengurusan Perbadanan Pengurusan

bagi bangunan atau tanah yang dipecah bahagi di atas tanah yang dijadualkan di bawah, dengan ini memohon di bawah seksyen *17/17A Akta Hakmilik Strata 1985

untuk sijil *perbadanan pengurusan/perbadanan pengurusan subsidiari dikeluarkan kepada perbadanan ini.

2. Permohonan ini ialah bagi*perbadanan pengurusan atau *perbadanan/perbadanan-perbadanan pengurusan subsidiari. Harta bersama terhad yang diperihalkan *atau/dan sempadan atau kawasan harta bersama terhad yang dikenal pasti *atau/dan ditetapkan adalah seperti yang ditunjukkan dalam pelan khas yang dilampirkan.

3. Sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen *17/17A Akta Hakmilik Strata 1985, saya kemukakan—

- (a) fi yang ditetapkan sebanyak RM.....;
- (b) *satu salinan resolusi komprehensif bersama dengan perakuan yang ditandatangani oleh Pesuruhjaya yang mengesahkan penerimaan salinan resolusi komprehensif itu yang difailkan kepadanya oleh perbadanan pengurusan;
- (c) *suatu pelan khas yang disediakan di bawah subseksyen 17A(2);
- (d) resit bagi cukai semasa bagi lot tersebut; dan
- (e) *sijil perbadanan pengurusan.

Bertarikh pada hari bulan 20.....

.....
*Anggota Jawatankuasa Pengurusan
 Perbadanan Pengurusan*

JADUAL

Daerah
 *Bandar/Pekan/Mukim No Lot.....
 Perihal dan No. Hakmilik

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 10

[Seksyen 8A dan 20A]

PERMOHONAN BAGI SIJIL CADANGAN PELAN STRATA

Kepada Pengarah Ukur,.....

Saya,

beralamat.....

pemilik bagi tanah berikut:

Daerah :

*Bandar/Pekan/Mukim :

No. Lot :

Perihal dan No. Hakmilik Tanah :

Luas :

dengan ini memohon bagi sijil cadangan pelan strata untuk permohonan bagi pecah bahagi di bawah seksyen 9 atau 20B bagi—

- (a) *bangunan;
- (b) *bangunan dan tanah;
- (c) *tanah;

*berserta dengan pengeluaran hakmilik strata sementara bagi blok/blok-blok sementara.

2. Pecah bahagi tersebut adalah untuk dijadikan kepada—

- (a) petak (jika ada);
- (b) petak tanah (jika ada);
- (c) petak aksesori (jika ada);
- (d) blok/blok-blok sementara (jika ada),

sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual yang dilampirkan.

3. Sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 8A atau 20A Akta Hakmilik Strata 1985, mengikut mana-mana yang berkenaan, saya kemukakan—

- (a) fi yang ditetapkan sebanyak RM.....;
- (b) salinan asal pelan bangunan yang diluluskan bagi setiap bangunan yang hendak dipecah bahagi atau pelan yang dikehendaki di bawah perenggan 8A(1)(c) atau 20A(1)(c) *dan bangunan/bangunan-bangunan yang hendak dipecah bahagi yang berkaitan dengan petak tanah, *dan untuk bangunan/bangunan-bangunan yang berkaitan dengan blok/blok-blok sementara;
- (c) pelan strata yang dicadangkan yang diperakui oleh juruukur tanah dibawah perenggan 8A(1)(d) atau 20A(1)(d);
- (d) perakuan oleh Arkitek Profesional atau Jurutera Profesional di bawah perenggan 8A(1)(e) atau 20A(1)(e);
- (e) salinan yang diperakui sah bagi *hakmilik tetap bagi lot tersebut/hakmilik strata sementara;
- (f) salinan yang diperakui sah dokumen yang memperakukan peringkat struktur utama, jika berkenaan;
- (g) salinan yang diperakui sah perakuan siap dan pematuhan atau sijil layak menduduki, jika berkenaan; dan
- (h) salinan yang diperakui sah jadual petak yang difailkan dengan Pesuruhjaya, jika berkenaan.

4. Saya mengaku janji bahawa—

- (i) semua dokumen yang disertakan adalah lengkap dan telah memenuhi kehendak Akta Hakmilik Strata 1985;
- (ii) lot tersebut telah diukur semula sebagaimana yang ditunjukkan di dalam pelan no. yang diperakui (jika berkaitan); dan
- (iii) semua bayaran kepada agensi yang berkaitan akan dibayar.

Bertarikh pada hari bulan 20.....

.....
Tandatangan Pemilik Asal

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan

(Hendaklah dilampirkan dalam seberapa banyak helaian yang perlu)

JADUAL PETAK DAN BLOK SEMENTARA (JIKA ADA)

	<i>Bangunan/ Blok Sementara/ Petak Tanah</i>	<i>Senarai tingkat</i>	<i>Senarai petak/ Petak tanah</i>	<i>Luas setiap petak/ Blok sementara</i>
	(1)	(2)	(3)	(4)
Gunakan M1, M2, dsb. untuk menandakan bangunan siap.	BANGUNAN/ BANGUNAN- BANGUNAN: M1	No. Tingkat	Petak
		Petak
		Petak
	M2	No. Tingkat	Petak
		Petak
		Petak
dsb.	No. Tingkat	Petak	
	Petak	
	Petak	
Gunakan P1, P2, dsb. untuk menandakan blok sementara.	BLOK/BLOK- BLOK SEMENTARA			
	P1	—	—
	P2	—	—

Gunakan L1, L2, dsb. untuk menandakan petak tanah.	dsb.			
	PETAK-PETAK TANAH L1-L [Nyatakan petak tanah pertama dan terakhir]	—	L1 L2 L3
Gunakan PL1, PL2, dsb. untuk menandakan blok sementara (petak tanah).	BLOK/BLOK-BLOK SEMENTARA (PETAK TANAH) PL1 PL2 dsb.	— —	— —
			JUMLAH

SENARAI PETAK AKSESORI

+Petak Aksesori	++Lokasi Petak Aksesori	Petak atau Blok Sementara yang Petak Aksesori itu Bersangkutan	Tujuan

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan

+ Bagi maksud mengenal pasti petak aksesori, tambah huruf A kepada nombor petak aksesori

++ Jika petak aksesori ditempatkan dalam sesuatu bangunan, tunjukkan lokasi itu dengan membuat rujukan kepada nombor bangunan dan nombor tingkatnya

JADUAL KEDUA

(Dipotong oleh Akta A1450)

JADUAL KETIGA

(Dipotong oleh Akta A1450)

JADUAL KEEMPAT

[Seksyen 83]

PEMANSUHAN DAN PEMINDAAN PERUNTUKAN
KANUN TANAH NEGARA

BAHAGIAN I—PERUNTUKAN YANG DIMANSUHKAN

1. Takrif “subsidiary register” dan “subsidiary title” dalam seksyen 5.
2. Seksyen 151 hingga 157 (termasuk kedua-duanya).
3. Seksyen 161 hingga 163 (termasuk kedua-duanya).
4. Seksyen 355 hingga 374 (termasuk kedua-duanya).
5. Jadual Pertama—Borang 9D, 10A, 10B dan 10c.
6. Jadual Ketujuh, Jadual Ketujuh—A, Jadual Ketujuh—B, Jadual Kelapan, Jadual Kesembilan.

BAHAGIAN II—PERUNTUKAN YANG DIPINDA

*Peruntukan yang
dipinda*

Pindaan

1. Takrif “final title” dalam seksyen 5 Gantikan perkataan “, Land Office title and subsidiary title” dengan perkataan “and Land Office title”.
2. Takrif “Registrar” dalam seksyen 5 Gantikan takrif ini dengan yang berikut:

‘ “Registrar” means—

- (a) in relation to land held or to be held under Registry title, or under the form of qualified title corresponding to Registry title, a Registrar of Titles or Deputy Registrar of Titles appointed under section 12;
- (b) in relation to land held or to be held under Land Office title, or under the form of qualified title corresponding thereto, the Land Administrator.’.

3. Kepala yang terdapat sebelum seksyen 158

Potong perkataan “(other than the Subsidiary Register)”.

4. Perenggan 165(1)(a)

Gantikan perkataan “the issue documents appropriate thereto and documents relating to parcels held under subsidiary title”, dengan perkataan “the issue documents appropriate thereto”.

5. Kepala yang terdapat sebelum seksyen 256

Gantikan perkataan “PROCEDURE REGISTRY TITLE, QUALIFIED TITLE CORRESPONDING THERETO, AND SUBSIDIARY TITLE,” dengan perkataan “PROCEDURE REGISTRY TITLE AND QUALIFIED TITLE CORRESPONDING THERETO”.

6. Subseksyen 256(1)

Gantikan subseksyen ini dengan yang berikut:

“(1) This section applies to land held under—

(a) Registry title; or

(b) the form of qualified title corresponding to Registry title,

and to any lease of any such land.”.

7. Subseksyen 260(1)

Gantikan subseksyen ini dengan yang berikut:

“(1) This section applies to land held under—

(a) Land Office title; or

(b) the form of qualified title corresponding to Land Office title,

and to any lease of any such land.”.

JADUAL KELIMA

[Seksyen 4A]

SISTEM PENGKOMPUTERAN HAKMILIK STRATA

Tafsiran

1. Dalam Jadual ini, melainkan jika konteksnya menghendaki dengan makna yang lain—

“dokumen daftar strata sedia ada” ertinya apa-apa daftar strata termasuklah dokumen indeks daftar strata sedia ada, dokumen penyata daftar strata, salinan pelan strata yang diperakui dan tiap-tiap dokumen hakmilik daftar strata yang bersepadan dengan setiap petak dan, jika ada, blok sementara yang didaftarkan sebelum atau selepas permulaan kuat kuasa Sistem Pengkomputeran Hakmilik Strata dalam mana-mana Pejabat Pendaftaran Tanah menurut seksyen 4A;

“dokumen hakmilik cetakan komputer” ertinya suatu dokumen hakmilik yang disediakan dengan menggunakan suatu komputer;

“dokumen hakmilik daftaran cetakan komputer” ertinya suatu dokumen hakmilik daftaran yang disediakan dengan menggunakan suatu komputer;

“dokumen hakmilik keluaran cetakan komputer” ertinya suatu dokumen hakmilik keluaran yang disediakan dengan menggunakan suatu komputer;

“dokumen hakmilik yang sedia ada” ertinya suatu dokumen hakmilik daftaran yang didaftarkan sebelum permulaan kuat kuasa Sistem Pendaftaran Hakmilik Strata Berkomputer dan termasuklah suatu dokumen keluaran hakmilik berkenaan dengannya, jika ada;

“dokumen penentusahan” ertinya suatu cetakan komputer, seperti dalam Borang A yang menunjukkan sebahagian kandungan yang terdahulu dan kandungan terkini suatu dokumen hakmilik selepas keputusan diputuskan oleh Pendaftar atas apa-apa perkara yang diserahkan untuk dimasukkan ke dalam dokumen hakmilik cetakan komputer;

“kemasukan” atau “masuk” berhubung dengan mana-mana dokumen hakmilik, termasuklah mana-mana pengendorsan, memorial, nota, pembedulan, pembatalan atau pemotongan atau apa-apa kemasukan lain ke dalamnya dengan menggunakan komputer;

“komputer” ertinya apa-apa alat untuk menyimpan atau memproses maklumat dan termasuklah *input* dan *output* yang perlu dan pangkalan data sesuatu komputer;

“perkara” ertinya apa-apa surat cara yang dikemukakan untuk pendaftaran atau apa-apa perintah, pemberitahuan, permohonan atau dokumen lain yang dikemukakan untuk kemasukan dalam daftar;

“Sistem Pendaftaran Hakmilik Strata Berkomputer” ertinya tatacara bagi pendaftaran hakmilik strata, dokumen yang dikehendaki untuk disediakan dan apa-apa kemasukan dalam mana-mana dokumen hakmilik strata melalui penggunaan komputer. Sistem ini termasuklah kedua-dua tatacara manual dan berkomputer;

“Akta” ertinya Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*];

“Kanun” ertinya Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56/1965*].

Cara membuat kemasukan dalam dokumen hakmilik di bawah Sistem Pendaftaran Hakmilik Strata Berkomputer

2. Bagi maksud Akta ini, setiap kali suatu kemasukan dikehendaki dibuat atas dokumen hakmilik cetakan komputer oleh Pendaftar, ia hendaklah dianggap sebagai suatu keperluan bahawa—

- (a) Pendaftar membuat pemasukan itu dengan menggunakan komputer; dan
- (b) Pendaftar menyediakan suatu dokumen hakmilik komputer yang baru dan membatalkan dan memusnahkan versi terdahulu dokumen hakmilik cetakan komputer.

Borang dokumen bagi hakmilik Pejabat Pendaftaran atau hakmilik Pejabat Tanah

3. Bagi maksud Akta ini, bila mana sesuatu kemasukan dikehendaki dibuat dalam dokumen hakmilik cetakan komputer oleh Pendaftar, hendaklah dianggap sebagai suatu kehendak bahawa—

- (a) dokumen hakmilik daftaran cetakan komputer hendaklah dalam Borang 4_(K) berkenaan dengan suatu petak atau dalam Borang 4_{A(K)} berkenaan dengan blok sementara; dan
- (b) dokumen keluaran hakmilik cetakan komputer hendaklah dalam borang yang sama seperti Borang 4_(K) atau Borang 4_{A(K)}, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pelan untuk hakmilik strata dikeluarkan secara berasingan

4. (1) Pelan petak atau blok sementara hendaklah dikeluarkan kepada pemilik dalam Borang S(K).

(2) Pendaftar hendaklah, apabila menyerahkan dokumen hakmilik keluaran cetakan komputer kepada pemilik, menyerahkan juga kepadanya satu salinan pelan yang dilampirkan pada Borang S(K) yang disahkan dengan sempurna di bawah tandatangan dan meterai Pengarah Ukur.

(3) Pendaftar hendaklah menyimpan di Pejabat Pendaftaran Tanah suatu salinan pelan strata yang diperakui yang kepadanya pelan strata yang diperakui itu berkaitan sebagaimana yang diluluskan oleh Pengarah Ukur di bawah perenggan (13)(1)(c) Akta. Salinan pelan strata yang diperakui itu hendaklah disahkan dengan sempurna di bawah tandatangan dan meterai Pengarah Ukur.

Penukaran kepada dokumen hakmilik daftaran cetakan komputer

5. (1) Apabila mula berkuat kuasa Sistem Pendaftaran Hakmilik Strata Berkomputer di Pejabat Pendaftaran Tanah, Pendaftar hendaklah menukarkan dokumen hakmilik daftaran sedia ada kepada dokumen hakmilik daftaran cetakan komputer dan hendaklah menandatangani dan memeterai penukaran itu.

(2) Suatu dokumen hakmilik daftaran sedia ada hendaklah terus berkuat kuasa dan sah bagi semua maksud Akta ini sehingga suatu dokumen hakmilik daftaran cetakan komputer disediakan dan ditandatangani dan dimeterai oleh Pendaftar.

(3) Selepas penukaran dokumen hakmilik daftar yang sedia ada, dokumen keluaran hakmilik yang sedia ada berkenaan dengannya hendaklah terus berkuat kuasa dan sah bagi semua maksud Akta ini sehingga dokumen keluaran hakmilik cetakan komputer yang relevan disediakan dan dikeluarkan kepada pemilik.

(4) Mana-mana pemilik berdaftar yang hakmilik stratanya terletak di bawah bidang kuasa Pejabat Pendaftaran Tanah yang Sistem Pendaftaran Hakmilik Strata Berkomputer dilaksanakan boleh pada bila-bila masa memohon untuk penukaran sesuatu dokumen keluaran hakmilik yang sedia ada kepada suatu dokumen keluaran hakmilik cetakan komputer dengan menyimpan dokumen keluaran hakmilik yang sedia ada di Pejabat Pendaftaran Tanah tersebut.

(5) Pendaftar boleh atas kemahuannya sendiri menukar mana-mana dokumen keluaran hakmilik yang sedia ada tanpa adanya suatu permohonan yang dibuat di bawah subperenggan (4).

(6) Berkenaan dengan dokumen daftar strata sedia ada yang disediakan di bawah Akta ini, dokumen hakmilik cetakan komputer itu hendaklah disediakan dalam Borang 2(K), 3(K), 4(K) atau 4A(K), mengikut mana-mana yang berkenaan.

(7) Berkenaan dengan dokumen hakmilik yang sedia ada yang disediakan di bawah Kanun, dokumen hakmilik cetakan komputer hendaklah disifatkan sebagai proses penyediaan hakmilik bersambungan di bawah Jadual ini.

(8) Apabila penukaran suatu dokumen hakmilik yang sedia ada di bawah subperenggan terdahulu, Pendaftar hendaklah—

- (a) membuat satu salinan pelan daripada dokumen hakmilik daftar sedia ada untuk dilampirkan sebagai Borang S(K), dan hendaklah disahkan dengan sempurnanya ditandatangani dan dimeterainya;
- (b) mengendors secara bersilang di atas permukaan dokumen hakmilik daftaran yang sedia ada untuk menunjukkan bahawa hakmilik berkenaan telah ditukarkan kepada dokumen hakmilik daftaran cetakan komputer; dan dengan membuat endorsan sedemikian, dokumen hakmilik daftaran yang sedia ada hendaklah disifatkan telah dibatalkan;
- (c) memanggil pemilik berdaftar untuk mengambil dokumen keluaran hakmilik cetakan komputer dengan syarat bahawa jika penukaran dilaksanakan oleh Pendaftar dan kemahuannya sendiri di bawah subperenggan (5), dia tidaklah perlu untuk menghantar kepada pemilik berdaftar dokumen hakmilik keluaran cetakan komputer melainkan jika dokumen keluaran hakmilik sedia ada dikemukakan kepadanya; dan
- (d) membatalkan dan memusnahkan dokumen hakmilik yang sedia ada apabila diserahkan kepadanya.

Cara menyediakan dokumen hakmilik

6. Tiap-tiap dokumen hakmilik disediakan selepas pendaftaran hakmilik strata atau penggantian suatu dokumen hakmilik daftaran cetakan komputer hendaklah, di bawah Sistem Pendaftaran Hakmilik Strata Berkomputer, disediakan dengan menggunakan komputer.

Cara menyediakan rekod daftar strata berkomputer

6A. (1) Bagi maksud subseksyen 15(2) Akta ini, Pendaftar hendaklah, dengan Jadual ini, menyediakan dan menyenggara rekod daftar strata berkomputer berhubung dengan satu lot dan, tiap-tiap buku itu hendaklah mengandungi—

- (a) indeks daftar strata berkomputer di dalam Borang 2(K);
- (b) tertakluk kepada subperenggan (2), satu dokumen penyata daftar strata berkomputer dalam Borang 3(K);
- (c) salinan pelan strata yang diperakui yang diluluskan oleh Pengarah Ukur menurut perenggan 13(1)(a) Akta; dan

- (d) tiap-tiap dokumen hakmilik daftaran cetakan komputer dalam Borang 4(K) atau dalam Borang 4A(K), mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Walau apa pun perenggan 15(2)(b) Akta, tiap-tiap rekod daftar strata berkomputer di bawah Jadual ini hendaklah tidak termasuk penyata di dalam Borang 3(K) jika semua memorial, pengendorsan dan catatan lain, yang terdapat dalam Borang 3 sebelumnya semasa pertukaran di bawah perenggan 5, tidak lagi menyentuh petak-petak atau blok-blok sementara atau mana-mana hakmilik strata atau hakmilik strata sementara yang merupakan hakmilik subsidiari kepadanya.

Pemilikan suatu salinan hakmilik strata

7. Jika dokumen hakmilik disediakan selepas pendaftaran hakmilik strata atau penggantian suatu dokumen hakmilik daftaran cetakan komputer, Pendaftar hendaklah menyampaikan kepada pemilik berdaftar dokumen keluaran hakmilik cetakan komputer.

Kemuktamadan tiap-tiap folio dokumen hakmilik daftaran cetakan komputer

8. Bagi maksud seksyen 15 hingga 19 Akta ini, setiap folio dokumen hakmilik daftaran cetakan komputer adalah keterangan muktamad tentang butir yang direkodkan di dalamnya.

Dokumen hakmilik cetakan komputer hendaklah disimpan secara berceraai

9. Bagi maksud seksyen 15 hingga 19 Akta ini, tiap-tiap dokumen hakmilik cetakan komputer yang didaftarkan di bawah Akta ini, sama ada selepas pendaftaran hakmilik strata atau penggantian suatu dokumen hakmilik daftaran cetakan komputer, hendaklah disimpan secara helai berceraai.

Rekod Perserahan

10. (1) Pendaftar hendaklah menyenggara suatu rekod, dipanggil “Rekod Perserahan”, dengan atau melalui penggunaan komputer, yang di dalamnya akan dimasukkan suatu perihal ringkas mengenai tiap-tiap perkara yang diserahkan untuk pendaftaran atau kemasukan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

- (2) Rekod Perserahan hendaklah mengandungi—
- (a) nombor perserahan yang diberi oleh komputer berkenaan setiap perkara yang diserahkan;
 - (b) tarikh dan masa perserahan;
 - (c) suatu perihal perkara;
 - (d) dalam hal urus niaga, nama orang yang menyerahkan perkara itu;

- (e) perihal hakmilik petak yang terlibat oleh perserahan itu; dan
- (f) suatu nota sama ada perkara itu telah didaftarkan, diendorskan atau dimasukkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, ditolak atau ditarik balik.

Penentuan dokumen yang perlu ditentukan

11. (1) Selepas Pendaftar telah menetapkan bahawa suatu surat cara itu adalah layak untuk pendaftaran mengikut peruntukan Bahagian III Akta ini atau bahawa perkara lain hendaklah dimasukkan dalam dokumen hakmilik, dia hendaklah menentukan kandungan dokumen yang ditentukan dan jika dia mendapati bahawa dokumen yang ditentukan itu adalah teratur, dia hendaklah mengesahkan dokumen itu di bawah tandatangan dan meterainya.

(2) Selepas Pendaftar mendaftarkan mana-mana surat cara urus niaga atau memasukkan apa-apa perkara lain ke dalam dokumen hakmilik daftar cetakan komputer, dia hendaklah menyebabkan dokumen penentuan itu difailkan.

Cara mendaftarkan surat cara

12. Bagi maksud seksyen 15 Akta ini, memorial mengikut terma yang dinyatakan dalam perenggan (2)(b) itu hendaklah dimasukkan ke dalam komputer berkenaan dengan dokumen hakmilik daftar yang kepada petak atau blok sementara itu berkaitan.

Dokumen hakmilik cetakan komputer yang baru

13. Apabila membuat memorial sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 12 jika memorial itu berhubung dengan suatu urus niaga atau apabila ditetapkan bahawa mana-mana perkara lain yang perlu dimasukkan ke dalam mana-mana dokumen hakmilik, Pendaftar hendaklah menyebabkan dokumen hakmilik daftar cetakan komputer yang baru dan, jika bersesuaian, dokumen hakmilik keluaran cetakan komputer yang baru, disediakan.

Kemuktamadan pendaftaran

14. Tiap-tiap dokumen hakmilik daftar yang disediakan menurut perenggan 13 dan disahkan di bawah tandatangan dan meterai Pendaftar hendaklah menjadi keterangan muktamad berkenaan pendaftaran yang dokumen itu dirujuk dan masa dan tarikh dokumen memberi kesan.

Rujukan kepada Jadual Keempat Belas

15. Jadual ini hendaklah dibaca dan ditafsirkan bersama dengan berkuatkuasanya Jadual Keempat Belas Kanun seolah-olah ia menjadi sebahagian daripadanya.

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG A

[Perenggan 1 Jadual Kelima]

DOKUMEN PENENTUSAHAN

Ditentukan oleh	Pendaftar
(nama Kerani)	(nama Pendaftar)
Tandatangan	Tandatangan

1. No. Versi :
2. Jenis perkara :
3. No. Pserahan:..... Tarikh:..... Masa:.....
4. Penyampai:
5. No.Hakmilik Yang Terjejas:.....
 - (a) Kandungan Terdahulu:.....
 - (i) *Hakmilik:.....
 - (ii) **Serahan yang Terjejas:.....
 - (iii) ***Lain-lain:.....
6. Tindakan Diambil:.....
7. Kandungan Baru:.....

*Negeri/Daerah/Mukim/Pekan/No. Hakmilik/No. Lot/No. Bangunan/No. Tingkat/Petak atau No. Petak Tanah

(Masukkan sebagaimana berkenaan)

**Nama/No. Pserahan/Volume/Folio/Tarikh/Masa
 (Masukkan sebagaimana berkenaan)

.....
 ***No. Versi Pengenalan – Jenis perkara – No. Perserahan
 (Masukkan sebagaimana berkenaan)

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 2(K)

[Subperenggan 5(6) Jadual Kelima]

INDEKS DAFTAR STRATA

Negeri :
 Daerah :
 *Bandar/Pekan/Mukim :
 No. Hakmilik :
 No. Lot :
 Luas :
 No. Rujukan Fail :
 Nama Perbadanan Pengurusan :
 Alamat Perbadanan Pengurusan :
 Alamat bagi Penyampaian Dokumen :
 No. Buku Daftar Strata :

RINGKASAN KANDUNGAN

<i>Bangunan/ Blok Sementara/ Petak Tanah</i>	<i>Kegunaan</i>	<i>Bilangan petak</i>	<i>Unit syer/ Unit syer sementara</i>
Bangunan/ Bangunan- Bangunan			
M1
M2
Blok/ Blok-blok Sementara			
P1	—
P2	—

Petak Tanah L1 – L
Blok/ Blok-blok Sementara (Petak Tanah)			
PL1	—
PL2	—
Jumlah		

Jumlah keseluruhan folio dalam pelan strata yang diperakui.....

ID Hakmilik :

Tarikh :

No. Versi :

Muka surat :

INDEKS SECARA TERPERINCI

<i>Muka surat bagi hakmilik petak/ Blok sementara/ Petak tanah</i>	<i>Bangunan/ Blok sementara/ Petak tanah</i>	<i>Senarai tingkat/ Petak tanah dan pelan folio</i>	<i>Senarai petak/ Petak tanah</i>	<i>Luas petak/ Petak tanah</i>	<i>Unit syer bagi setiap Blok sementara/ Petak tanah</i>	<i>Cukai bagi setiap petak/ Blok sementara/ Petak tanah (RM)</i>	<i>Catatan</i>
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)
	BANGUNAN/ BANGUNAN- BANGUNAN: [Gunakan M1, M2, dsb., untuk menandakan bangunan siap]	No. Tingkat	Petak..... Petak..... Petak.....	 Jumlah kecil Jumlah kecil	

		(No. Plan Folio.....)			
	M2		Petak.....		
		No. Tingkat	Petak.....		
		Petak.....		
	dsb.	(No. Plan Folio.....)			Jumlah kecil	Jumlah kecil	
					
	BLOK/ BLOK- BLOK SEMENTARA: [Gunakan P1, P2, dsb., untuk menandakan blok-blok sementara]						
	P1		—		
		(No. Plan Folio.....)			
	P2		—				
	dsb.	(No. Plan Folio.....)			Jumlah kecil	Jumlah kecil	
					
	PETAK- PETAK TANAH: [Gunakan L1, L2, dsb., untuk menandakan petak tanah. Nyatakan petak pertama dan petak terakhir]						

	L1 – L	(No. Plan Folio.....)	L1 L2	
	BLOK/ BLOK- BLOK SEMENTARA (PETAK TANAH): [Gunakan PL1, PL2, dsb. untuk menandakan blok-blok sementara (petak tanah)]				Jumlah kecil	Jumlah kecil	
	PL1	(No. Plan Folio.....)	—		
	PL2	(No. Plan Folio.....)	—		
	dsb.				Jumlah kecil	Jumlah kecil	
Jumlah Besar			

(sambungan helaian boleh ditambah sebagaimana perlu)

ID Hakmilik :
 Tarikh :
 No. Versi :
 Muka surat :

SENARAI PETAK AKSESORI

+Petak Aksesori	++Lokasi Petak Aksesori	Petak atau Blok Sementara yang Petak Aksesori itu Bersangkutan	Kegunaan

- * *Masukkan sebagaimana yang bersesuaian*
- + *Bagi maksud mengenal pasti petak aksesori, tambah huruf A kepada nombor petak aksesori*
- ++ *Jika petak aksesori ditempatkan dalam sesuatu bangunan, tunjukkan lokasi itu dengan membuat rujukan kepada nombor bangunan dan nombor tingkatnya.*

ID Hakmilik :

Tarikh :

No. Versi :

Muka surat :

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 3(K)

[Subperenggan 5(6) Jadual Kelima]

PENYATA DAFTAR STRATA
BUKU BAGI NO. HAKMILIK.....

Jadual yang dilampirkan mengandungi semua memorial, pengendorsan dan catatan lain yang terdapat pada hari ini dalam dokumen hakmilik daftar yang tersebut di atas yang berhubungan dengan perkara-perkara yang boleh menyentuh mana-mana petak *atau mana-mana blok sementara dari hari ini yang dipegang di bawah hakmilik strata *atau hakmilik strata sementara yang merupakan hakmilik subsidiari kepadanya, yang bukannya perkara-perkara yang boleh menyentuh hanya satu daripada petak-petak, *atau hanya satu daripada blok-blok sementara ini.

Bertarikh pada hari bulan 20.....

T.M.

Pendaftar

JADUAL

Syarat Nyata:

Sekatan Kepentingan:

Memorial, Pengendorsan atau Catatan-Catatan lain:

**Masukkan sebagaimana yang bersesuaian*

ID Hakmilik :

Tarikh :

No. Versi :

Muka surat :

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 4(K)

[Subperenggan 3(a) dan (b) dan 5(6) Jadual Kelima]

HAKMILIK STRATA

NO. HAKMILIK	NO. BANGUNAN	NO. TINGKAT	NO. PETAK

Cukai :

*Pegangan untuk selama-lamanya/Pajakan untuk tempoh
yang berakhir pada

Negeri :

Daerah :

*Bandar/Pekan/Mukim :

No. Lot :

Petak aksesori :

Unit Syer Petak :

No. Pelan Strata Yang Diperakui :

No. Buku Daftar Strata :

Petak *dan petak aksesori yang tersebut di atas yang terletak di atas tanah ini adalah dipegang bagi tempoh hakmilik itu sepenuhnya oleh pemilik yang pada masa itu dinamakan dalam rekod ketuanpunyaan di dalamnya, tertakluk kepada peruntukan Akta Hakmilik Strata 1985, kepada peruntukan kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya dan terutama sekali kepada memorial, pengendorsan dan catatan lain. Apa-apa urusan niaga mengenai hakmilik strata ini adalah tertakluk kepada sekatan dan syarat sebagaimana dalam hakmilik tanah.

Menurut kuasa hakmilik ini, pemilik tersebut juga menikmati hak mengundi dalam perbadanan pengurusan berkadaran dengan unit syer bagi petak ini sebagaimana yang dinyatakan, berhubung dengan jumlah unit syer.

Bertarikh pada hari bulan 20.....

T.M.

Pendaftar

Pelan bagi petak dan petak aksesori (jika ada), bagi tujuan pengenalpastian, dilampirkan di Borang S(K).

REKOD PERBADANAN PENGURUSAN

REKOD KETUANPUNYAAN

REKOD URUSAN

PERKARA LAIN YANG MELIBATKAN HAKMILIK

T.M.

Pendaftar

**Masukkan sebagaimana yang bersesuaian*

ID Hakmilik :
Tarikh :
No. Versi :
Muka surat :

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 4A(K)

[Subperenggan 3(a) dan (b) dan 5(6) Jadual Kelima]

HAKMILIK STRATA SEMENTARA

URUS NIAGA YANG DILARANG

NO. HAKMILIK	NO. BLOK SEMENTARA
--------------	--------------------

Cukai :
*Pegangan untuk selama-lamanya/Pajakan untuk tempoh
yang berakhir pada
Negeri :
Daerah :
*Bandar/Pekan/Mukim :
No. Lot :
Petak aksesori :
Unit Syer Sementara :
No. Pelan Strata Yang Diperakui :
No. Buku Daftar Strata :

Blok sementara yang tersebut di atas yang terletak di atas tanah ini adalah dipegang bagi tempoh hakmilik itu sepenuhnya oleh pemilik yang pada masa itu dinamakan dalam rekod ketuanpunyaan di dalamnya, tertakluk kepada peruntukan Akta

Hakmilik Strata 1985, kepada peruntukan kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya dan terutama sekali kepada memorial, pengendorsan dan catatan-catatan lain.

Menurut kuasa hakmilik ini, pemilik tersebut juga menikmati hak mengundi dalam perbadanan pengurusan yang berkadaran dengan unit syer bagi blok sementara sebagaimana yang dinyatakan, berhubung dengan jumlah unit syer.

Apa-apa urusan niaga mengenai hakmilik strata ini atau kepentingan di dalamnya adalah dilarang.

Bertarikh pada hari bulan 20.....

T.M.
Pendaftar

Pelan bagi blok sementara, bagi tujuan pengenalpastian, dilampirkan pada Borang S(K).

REKOD PERBADANAN PENGURUSAN

REKOD KETUANPUNYAAN

PERKARA LAIN YANG MELIBATKAN HAKMILIK

T.M.
Pendaftar

**Masukkan sebagaimana yang bersesuaian*

ID Hakmilik :
Tarikh :
No. Versi :
Muka surat :

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG S(K)

[Subperenggan 4(1) Jadual Kelima]

PELAN HAKMILIK STRATA

Saya memperakui bahawa pelan yang dilampirkan di sini adalah salinan benar pelan strata yang diperakui bagi *petak/blok sementara di atas tanah ini, yang butiran-butirnya adalah seperti berikut:

*No. Petak/Blok Sementara :
**No. Petak Aksesori :
Negeri :
Daerah :
*Bandar/Pekan/Mukim :
No. Hakmilik Tanah :
No. Lot :
No. Helaian :
No. Pelan Strata Yang Diperakui :
No. Skim :

Bertarikh pada hari bulan 20.....

T.M.
Pendaftar

* *Masukkan sebagaimana yang bersesuaian*
** *Masukkan jika ada*
Pelan mungkin tidak menunjukkan skala sebenar

JADUAL KEENAM

[Seksyen 4B]

SISTEM HAKMILIK STRATA ELEKTRONIK

Tafsiran

1. Dalam Jadual ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“daftar strata berkomputer” ertinya apa-apa rekod daftar strata yang terdiri daripada dokumen indeks daftar strata berkomputer, tiap-tiap dokumen hakmilik daftar strata berkomputer dan salinan digital yang diperakui yang bersepadan dengan setiap petak dan, jika ada, blok-blok sementara yang didaftarkan di bawah Jadual ini;

“dokumen hakmilik strata” ertinya apa-apa dokumen hakmilik daftar berkomputer atau dokumen hakmilik keluaran berkomputer yang disimpan secara maya dalam pangkalan data tanah, dan termasuk cetakannya;

“sistem hakmilik strata elektronik” ertinya suatu sistem bagi Sistem Pentadbiran Tanah Elektronik bersepadu yang berkaitan dengan pemprosesan permohonan hakmilik strata, pendaftaran hakmilik strata, dokumen yang dikehendaki untuk disediakan dan apa-apa kemasukan dalam mana-mana dokumen hakmilik melalui penggunaan sebuah komputer;

“dokumen rekod daftar strata berkomputer sedia ada” ertinya apa-apa rekod daftar strata berkomputer yang sedia ada termasuklah dokumen indeks daftar strata yang sedia ada, dokumen penyata daftar strata, salinan pelan strata yang diperakui dan tiap-tiap dokumen hakmilik daftar strata yang bersepadan dengan setiap petak dan, jika ada, blok sementara yang didaftarkan sebelum atau selepas permulaan kuat kuasa Sistem Pentadbiran Tanah Elektronik;

“dokumen hakmilik yang sedia ada” ertinya apa-apa dokumen hakmilik daftar atau dokumen hakmilik keluaran yang dikeluarkan secara manual atau dengan menggunakan komputer yang didaftarkan sebelum atau selepas permulaan kuat kuasa Sistem Pentadbiran Tanah Elektronik;

“Akta” ertinya Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318];

“Kanun” ertinya Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56/1965];

Pentafsiran Jadual

2. Jadual ini hendaklah dibaca dan ditafsirkan bersama dengan Jadual Keenam Belas Kanun seolah-olah ia menjadi sebahagian daripadanya.

Cara membuat catatan dalam dokumen hakmilik di bawah sistem hakmilik strata elektronik

3. Bagi maksud Akta ini, setiap kali suatu catatan dikehendaki untuk dibuat dalam dokumen hakmilik berkomputer, Pendaftar hendaklah—

- (a) membuat catatan tersebut; dan
- (b) menyediakan suatu dokumen hakmilik berkomputer yang baru dan hendaklah membatalkan dan memusnahkan versi terdahulu dokumen hakmilik cetakan komputer tersebut.

Borang bagi dokumen hakmilik berkomputer

4. (1) Bagi maksud seksyen 16 Akta, Pendaftar hendaklah menyediakan dokumen hakmilik strata yang sepadan dengan tanah yang dipegang di bawah hakmilik Pejabat Pendaftar atau hakmilik Pejabat Tanah masing-masing, yang mana—

- (a) dokumen hakmilik daftar berkomputer hendaklah dibuat dalam Borang 4e berkenaan dengan petak atau dalam Borang 4Ae berkenaan dengan blok sementara, Jadual ini; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran cetakan komputer dalam borang yang sama sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan 1(a).

Pelan bagi dokumen hakmilik strata berkomputer

5. Pendaftar hendaklah mengeluarkan pelan yang dilampirkan bersama Borang Se bagi petak individu atau blok sementara, termasuk pelan petak aksesori, jika ada, secara berasingan kepada pemilik dan hendaklah mengesahkan dengan sempurna di bawah tandatangan digitalnya.

Cara menyediakan rekod daftar strata berkomputer

6. (1) Bagi maksud subseksyen 15(2), Pendaftar hendaklah, mengikut Jadual ini, menyediakan dan menyenggara rekod daftar strata berkomputer berhubung dengan suatu lot dan, tiap-tiap buku itu hendaklah mengandungi—

- (a) dokumen indeks daftar strata berkomputer dalam Borang 2e bagi petak individu dan, jika ada, petak aksesori yang bersangkutan dan bagi blok individu sementara, jika ada, yang terdapat dalam lot itu;
- (b) dokumen penyata daftar strata berkomputer dalam Borang 3e;
- (c) suatu salinan pelan strata yang diperakui yang diluluskan oleh Pengarah Ukur menurut perenggan 13(1)(a) Akta; dan

- (d) tiap-tiap dokumen hakmilik daftar berkomputer dalam Borang 4e atau dalam Borang 4Ae, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Walau apapun perenggan 15(2)(b), tiap-tiap buku daftar strata berkomputer di bawah Jadual ini hendaklah tidak termasuk mana-mana pernyataan dalam Borang 3e kerana pernyataan tersebut mengandungi semua memorial, pengendorsan dan kemasukan lain yang terdapat dalam dokumen hakmilik daftar tanah itu, yang berkaitan dengan perkara-perkara yang boleh menyentuh mana-mana petak atau mana-mana blok sementara yang dipegang di bawah hakmilik strata atau hakmilik strata sementara yang merupakan hakmilik subsidiari kepadanya, yang bukan merupakan perkara-perkara yang boleh menyentuh hanya satu daripada petak-petak itu, atau satu sahaja daripada blok-blok sementara itu.

Penukaran kepada dokumen daftar strata berkomputer

7. (1) Apabila mula berkuat kuasa sistem hakmilik strata elektronik di pejabat Pendaftar Tanah Negeri, Pendaftar hendaklah menukarkan dokumen rekod daftar strata berkomputer sedia ada kepada dokumen daftar strata berkomputer dan hendaklah mengesahkannya di bawah tandatangan digitalnya.

(2) Dokumen hakmilik daftar yang sedia ada hendaklah terus berkuat kuasa dan sah bagi semua maksud Akta ini sehingga dokumen hakmilik berkomputer disediakan di bawah Jadual ini dan disahkan sewajarnya oleh Pendaftar.

(3) Selepas penukaran dokumen hakmilik daftar yang sedia ada, dokumen hakmilik keluaran yang sedia ada yang berkenaan dengannya hendaklah terus berkuat kuasa dan sah bagi semua maksud Akta ini sehingga dokumen hakmilik keluaran cetakan komputer yang berkenaan disediakan dan dikeluarkan kepada pemilik.

(4) Berkenaan dengan suatu dokumen hakmilik yang sedia ada yang disediakan di bawah Akta ini, dokumen hakmilik cetakan komputer hendaklah disediakan dalam Borang 2e, 3e, 4e atau 4Ae, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Berkenaan dengan suatu dokumen hakmilik yang sedia ada yang didaftarkan di bawah Kanun, dokumen hakmilik berkomputer hendaklah disifatkan sebagai suatu proses bagi penyediaan hakmilik bersambungan di bawah Jadual ini.

(6) Apabila penukaran suatu dokumen hakmilik yang sedia ada kepada suatu dokumen hakmilik cetakan komputer di bawah subperenggan yang terdahulu, Pendaftar—

- (a) boleh mengeluarkan pelan untuk dilampirkan pada Borang Se dan hendaklah disahkan sewajarnya di bawah tandatangan digitalnya;
- (b) hendaklah membuat suatu nota pembatalan atas dokumen hakmilik daftar yang sedia ada itu bahawasanya hakmilik berkenaan telah ditukar ganti kepada dokumen hakmilik berkomputer; dan

- (c) hendaklah memusnahkan dokumen hakmilik yang sedia ada itu apabila dikemukakan kepadanya.

Cara menyediakan dokumen hakmilik

8. (1) Tiap-tiap dokumen hakmilik yang akan disediakan apabila memecah bahagi bangunan, atau bangunan dan tanah, atau pecah bahagi tanah kepada petak tanah atau hakmilik sambungan atau penggantian dokumen hakmilik daftar cetakan komputer hendaklah, di bawah Jadual ini, disediakan dengan menggunakan komputer.

(2) Tiap-tiap daftar strata berkomputer yang disediakan di bawah Jadual ini hendaklah dilihat melalui sebuah komputer untuk apa-apa tujuan penentusahan.

(3) Apabila diminta oleh Pendaftar atau bagi apa-apa maksud Akta atau mana-mana undang-undang lain yang berkaitan, tiap-tiap daftar strata berkomputer yang disediakan di bawah Jadual ini hendaklah dicetak di dalam borang masing-masing sebagai suatu salinan dokumen hakmilik daftar berkomputer atau dokumen hakmilik keluaran berkomputer atau daftar strata berkomputer.

Penyerahan salinan pelan kepada pemilik berdaftar

9. Jika dokumen hakmilik disediakan semasa pecah bahagi bangunan, atau bangunan dan tanah, atau pecah bahagi tanah kepada petak tanah, atau hakmilik sambungan yang disebabkan oleh pecah bahagi petak, atau penyatuan petak-petak, atau pecah bahagi blok sementara setelah siap, atau penggantian dokumen hakmilik daftar cetakan komputer, Pendaftar hendaklah menyerahkan kepada pemilik dokumen hakmilik keluaran berkomputer berserta suatu salinan pelan petak atau blok sementara yang dilampirkan pada Borang Se, dan hendaklah disahkan dengan sempurna di bawah tandatangan digitalnya.

Keterangan muktamad

10. Bagi maksud seksyen 15 hingga 19 Akta, tiap-tiap dokumen buku daftar strata berkomputer yang disimpan secara maya dalam pangkalan data tanah hendaklah menjadi keterangan muktamad tentang butir-butir yang direkodkan di dalamnya.

Kesan pembukaan rekod daftar strata berkomputer di bawah system hakmilik strata elektronik

11. Bagi maksud subseksyen 17(1) dan apabila menentusahkan dokumen hakmilik berkomputer berkenaan dengan petak atau blok sementara, Pendaftar hendaklah dengan segera memasukkan dalam dokumen hakmilik daftar berkomputer bagi lot berkenaan, suatu memorial yang menyatakan bahawa daftar strata berkomputer telah dibuka, bahawa sewa diperuntukkan kepada setiap petak atau blok sementara mengikut kelayakan unit syer, dan bahawa harta bersama itu terletak hak pada perbadanan pengurusan. Suatu memorial yang dikehendaki dinyatakan di dalamnya hendaklah disahkan di bawah tandatangan digital Pendaftar.

Rekod Perserahan

12. (1) Pendaftar hendaklah menyenggara suatu rekod, yang dipanggil “Rekod Perserahan” yang dalamnya akan dimasukkan suatu perihal ringkas tiap-tiap perkara yang diserahkan atau dibetulkan untuk pendaftaran atau kemasukan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Rekod Perserahan hendaklah mengandungi—

- (a) nombor perserahan yang diberi oleh komputer berkenaan dengan setiap perkara yang diserahkan;
- (b) tarikh dan masa perserahan;
- (c) perihal perkara;
- (d) dalam hal urus niaga, nama orang yang membuat perserahan perkara itu;
- (e) perihal hakmilik petak dan petak tanah yang terlibat dalam perserahan itu; dan
- (f) suatu nota sama ada perkara itu telah didaftarkan, diendorskan, atau dimasukkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau ditolak atau ditarik balik.

(3) “Rekod Perserahan” di bawah perenggan ini hendaklah menjadi sebahagian daripada Rekod Perserahan di bawah perenggan 12 Jadual Keenam Belas Kanun.

Rekod Nota Pembetulan

